

HUBUNGAN ANTARA KADAR PULANGHI DENGAN
PERMINTAAN DEPOSIT DALAM SISTEM
PERBANKAN ISLAM

MUR FATIMAH BINTI NOOR ROSDY

JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2009

1100089085



LP 43 FPE 2 2009



1100089085

Hubungan antara kadar pulangan dengan permintaan deposit
dalam perbankan Islam / Nur Fatimah Noor Rosdy.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100089085		

Lihat Sebelah

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

HUBUNGAN ANTARA KADAR PULANGAN DENGAN
PERMINTAAN DEPOSIT DALAM SISTEM
PERBANKAN ISLAM

NUR FATIHAH BINTI NOOR ROSDY
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

(UMT)

2009

PENAKUAN

Saya akui bahawa Kertas Projek (EKN 4399A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh :

Tandatangan:

Nama Pelajar : Nur Fatimah Binti Noor Rosdy

Nombor Matrik : UK 14045



DECLARATION

I hereby declare this Project Paper (EKN 4399A/B) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

Date:

Signature:

Students Name : Nur Fatimah Binti Noor Rosdy

Matric Number: UK 14045



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi kerana dengan izinNya, setelah mengharungi pelbagai dugaan dan rintangan dapat saya menyiapkan Kertas Ilmiah ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan Kertas Ilmiah ini.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Dr Nur Azura Binti Sanusi selaku penyelia Kertas Ilmiah ini yang telah banyak meluangkan masa serta memberikan nasihat, tunjuk ajar serta pandangan agar Kertas Ilmiah ini dapat disiapkan dengan lengkap. Sekalung penghargaan buat pensyarah-pensyarah di Jabatan Ekonomi yang telah banyak member tunjuk ajar dan asas yang kukuh membentuk diri saya sepanjang pengajian saya di UMT. Sesungguhnya segala tunjuk ajar dan nasihat kalian akan saya gunakan sebagai panduan dalam meniti cabaran kehidupan yang mendatang. Penghargaan juga ditujukan kepada Bank Negara Malaysia, Bank Negara Malaysia Terengganu, yang banyak memberi maklumat kepada saya.

Teristimewa buat ibunda tercinta Puan Razmah Binti Mansor, yang tidak jemu memberikan sokongan, tidak lupa juga buat kakanda Noor Affiza Binti Noor Rosdy dan Mohd Hafiz Bin Noor Rosdy di atas berkat doa, dorongan dan sokongan mereka akhirnya saya berjaya menamatkan pengajian saya dan kajian yang saya lakukan dengan lengkap dan jayanya. Jutaan terima kasih juga kepada insan yang banyak memberi sokongan kepada saya iaitu rakan-rakan seperjuangan di Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi kerana membantu memberi pandangan untuk menyiapkan kertas ilmiah ini. Segala sokongan dan kenangan manis sepanjang pengajian di UMT akan selamanya terpahat di sudut hati ini, selamat maju jaya.

Sekian.

Nur Fatihah Binti Noor Rosdy
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)
fatayha@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis secara empirikal pengaruh kadar pulangan ke atas permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam (SPI) dan perbankan konvensional. Kajian ini akan menggunakan data siri masa yang diperolehi daripada laporan tahunan Bank Negara Malaysia (BNM) merangkumi tahun 1990 sehingga 2007 dan kaedah ekonometrik iaitu '*Autoregressive Distributed Lag*' (ARDL), kaedah ini digunakan kerana teknik ini mampu menghasilkan penganggaran koefisien jangka panjang yang konsisten selain dapat menentukan hubungan yang koefisien dengan jumlah cerapan yang kecil. Hasil kajian menunjukkan kadar pulangan signifikan mempengaruhi permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam dan perbankan konvensional. Disamping itu, kajian ini turut mengkaji perubahan struktur permintaan deposit selepas pengubahsuaian strategi pertengahan dasar kewangan oleh BNM pada tahun 1995.

Kata Kunci : Kadar Pulangan, Permintaan Deposit dan Sistem Perbankan Islam.

ABSTRACT

This study is implemented to analyze empirically rate of return influence on deposit demand in Islamic banking system (SPI) and conventional banking. This study will use the data time series achieved of Bank Negara Malaysia annual report (BNM) include year 1990 till 2007 and method econometric namely 'Autoregressive Distributed Lag' (ARDL), this method is used because this technique can make long-term that consistent coefficient estimation apart from can determine relationship coefficient with small observation total. Result research showed significant rate of return influence deposit demand in Islamic banking system and conventional banking. Beside the, this study also study demand structural change deposit after middle strategy modification monetary policy by BNM in year 1995.

Keywords : Rate of Return, Deposit Demand and Islamic Banking System

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
Jadual 1.1	Senarai Bank Dalam Sistem Perbankan Islam Di Malaysia	5
Jadual 1.2	Pengiraan Kadar Pinjaman Asas (BLR)	10
Jadual 1.3	Jumlah Permintaan Deposit Dalam Sistem Perbankan Islam	10
Jadual 2.1	Penunjuk Utama Perbankan Islam Dari Tahun 2001-2007	18
Jadual 4.1	Analisis Deskriptif	35
Jadual 4.2	Ujian Diagnostik	36
Jadual 4.3	F-Statistik Ujian Kointegrasi	38
Jadual 4.4	Ujian ARDL	39
Jadual 4.5	ECM Untuk SPI Dan Perbankan Konvensional	42

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
Rajah 3.1	Carta Aliran Tindakan BNM terhadap Kadar Faedah, Simpanan dan Pelaburan/Penggunaan Wang	28
Rajah 4.1	Ujian Cusum Dan Cusum Gandaan bagi Sistem Perbankan Islam Dan Perbankan Konvensional	37

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH

ARDL	<i>Autoregressive Distributed Lag</i>
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BNM	Bank Negara Malaysia
DEPS	Deposit Sistem Perbankan Islam
DEPK	Deposit Sistem Perbankan Konvensional
I	Kadar Bunga Bil Perbendaharaan Tiga Bulan
IBU	Unit Perbankan Tanpa Faedah
LUTH	Lembaga Urusan Dan Tabung Haji
R	Kadar Faedah
RD	Kadar Pulangan
SPI	Sistem Perbankan Islam
SPTF	Skim Perbankan Tanpa Faedah
SPDK	Strategi Pertengahan Dasar Kewangan
SRR	Nisbah Pulangan Rezab
VECM	Model Vector Pembetulan Ralat

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI CARTA	vii
SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH	viii
SENARAI KANDUNGAN	ix
BAB 1 : PENGENALAN	-
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kawasan Kajian	
1.1.1 Sejarah Sistem Perbankan Islam Di Malaysia	2
1.1.2 Perkembangan Perbankan Islam Di Malaysia	3
1.1.3 Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF)	6
1.1.4 Pengharaman Riba Dalam Islam	7
1.2 Permasalahan Kajian	8
1.3 Objektif Kajian	
1.3.1 Objektif Umum	11
1.3.2 Objektif Khusus	11
1.4 Skop Kajian	11
1.5 Organisasi Kajian	12
BAB 2 : SOROTAN KAJIAN	
2.1 Kerangka Teori	14
2.2 Teori	
2.2.1 Permintaan Deposit	14
2.2.2 Kadar Pulangan	15
2.3 Perkembangan Semasa Industri Perbankan Islam Malaysia	17
2.4 Sorotan Kajian Lepas	18
BAB 3 : METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	23
3.2 Sumber Data	23
3.3 Hipotesis Kajian	24
3.4. Pengukuran Pembolehubah	
3.4.1 Permintaan Deposit	25

3.4.2 Kadar Pulangan Deposit	26
3.4.3 Kadar Faedah	27
3.4.4 SPDK (<i>Dummy Variable</i>)	29
3.5 Model Penganggaran	29
3.6 Autoregressive Distributed Lag (ARDL)	30
3.7 Rumusan	32
BAB 4 : ANALISIS KAJIAN	
4.1 Pendahuluan	33
4.2 Analisis Deskriptif	34
4.3 Keputusan Regresi	
4.3.1 Ujian Kointegrasi (OLS)	36
4.3.2 Pendekatan ARDL Untuk Kointegrasi	38
4.3.3 Ujian Error Correction Model (ECM)	41
4.4 Kesimpulan	43
BAB 5 : CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Pendahuluan	44
5.2 Rumusan Kajian	44
5.3 Implikasi	46
5.4 Cadangan	48
5.5 Kesimpulan	49
RUJUKAN	50

BAB SATU

HUBUNGAN ANTARA KADAR PULANGAN DENGAN PERMINTAAN DEPOSIT DALAM SISTEM PERBANKAN ISLAM

1.0 PENDAHULUAN

Sistem perbankan Islam ialah sistem perbankan yang menawarkan produk dan perkhidmatan seperti urusan penyimpanan wang, urusan pinjaman, urusan kiriman, surat-surat jaminan, surat-surat kredit dan pertukaran wang asing yang dilaksanakan mengikut landasan syariah. Sistem perbankan Islam di Malaysia bermula kira-kira pada tahun 1983, dengan tertubuhnya Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) melalui Akta Perbankan Islam 1983. Akta perbankan Islam 1983 memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengawal dan menyelia aktiviti-aktiviti perbankan yang dijalankan oleh bank-bank Islam, sepertimana bank konvensional berlesen. Akta Pelaburan Kerajaan juga telah diluluskan pada tahun tersebut untuk memberi kuasa kepada kerajaan mengeluarkan Sijil Pelaburan Kerajaan (SPK) iaitu bon kerajaan berasaskan prinsip Islam. Pada enam bulan pertama 2007, jumlah aset sektor perbankan Islam berkembang 8.0% kepada RM143.7 billion merangkumi 12.1% daripada jumlah aset sistem perbankan. Deposit perbankan juga meningkat 8.4% kepada RM107.5 billion mencangkupi 1.8% bahagian pasaran. Pembiayaan meningkat 3.8% kepada RM81.5 bilion meliputi 13.3% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. (Laporan Ekonomi 2007/2008).

Penyusunan semula institusi-institusi perbankan di Malaysia telah melahirkan sebuah lagi bank berlandaskan syariah iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Selain daripada BIMB dan BMMB, institusi-institusi kewangan lain seperti Bank Perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan konvensional juga turut

menawarkan produk perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Islam. Sehingga Julai 2007, terdapat 11 bank Islam yang merangkumi enam subsidiari Islam yang dahulunya dikenali sebagai jendela perbankan Islam, dua bank domestik dan tiga bank asing yang baru. Kebanyakan SPI menawarkan tiga jenis perkhidmatan deposit iaitu deposit semasa, deposit tabungan dan deposit pelaburan. Di Malaysia, penyimpan utama ialah dari empat pihak iaitu individu, kerajaan, badan perniagaan dan institusi kewangan. Misalnya, pengguna individu yang mempunyai lebih wang akan menyimpan wang untuk tujuan urusanniaga, awasan dan juga untuk mendapatkan pulangan pelaburan. Pelanggan perniagaan pula menyimpan wang bagi tujuan urusanniaga dan pelaburan, manakala pihak kerajaan menyimpan wang untuk tujuan pelaburan.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1.1 Sejarah Sistem Perbankan Islam Di Malaysia

Menurut Sudin Harun (2005), semangat kembali kepada agama telah menular di kalangan cerdik pandai di Malaysia pada tahun 1970-an, sejak daripada itu, wujud saranan-saranan sama ada daripada individu, kumpulan-kumpulan atau agensi-agensi tertentu agar kerajaan menubuhkan bank Islam bagi memenuhi keperluan umat Islam di Malaysia. Semasa berlangsungnya Kongres Ekonomi Bumiputera pada tahun 1980, para peserta telah meluluskan usul meminta kerajaan membenarkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) menubuhkan sebuah bank Islam bagi tujuan mengumpul dan melaburkan wang milik umat Islam. Dalam Seminar Kebangsaan Konsep Pembangunan Dalam Islam pada tahun 1981, kerajaan sekali lagi digesa agar mengambil tindakan segera untuk mewujudkan undang-undang bagi membolehkan penubuhan bank dan badan kewangan yang operasinya berlandaskan prinsip-prinsip Islam.

Hasil desakan orang ramai yang mahukan penubuhan sebuah bank Islam, kerajaan telah menerima syor LUTH supaya langkah bagi menubuhkan bank Islam diselaraskan pada peringkat kebangsaan. Pada 30 Julai 1981, kerajaan telah membentuk Jawatankuasa

Pemandu Kebangsaan Bank Islam yang dipengerusikan oleh Tan Sri Raja Mohar bin Raja Badiozaman dan LUTH sebagai pihak urusetianya. Jawatankuasa ini telah menggunakan operasi *Faisal Islamic Bank of Egypt* dan *Faisal Islamic Bank of Sudan* sebagai rujukan menyediakan laporannya (*Connors 1988*). Jawatankuasa ini kemudiannya menyerahkan laporannya kepada kerajaan pada 5 Julai 1982.

Bagi membuka jalan untuk penubuhan bank Islam, kerajaan telah meluluskan akta yang dipanggil Akta Bank Islam 1983 yang mula berkuat kuasa pada 7 April 1983. Akta ini menggariskan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh bank Islam yang mahu beroperasi di Malaysia dan menyenaraikan kuasa-kuasa Bank Negara Malaysia dalam menyelia dan mengawal aktiviti-aktiviti bank Islam. Pada jangka masa yang sama kerajaan juga turut meluluskan Akta Pelaburan Kerajaan 1983, yang memberi kuasa kepada kerajaan untuk mengeluarkan sijil pelaburan berasaskan prinsip syariah.

Bank Islam pertama beroperasi di Malaysia ialah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang telah diperbadankan dibawah Akta Syarikat 1965 yang mula berkuat kuasa pada 1 Mac 1983 dan memulakan perniagaan pada 1 Julai pada tahun yang sama. BIMB menawarkan perkhidmatan seperti bank-bank konvensional yang lain tetapi menawarkan perkhidmatan yang berlandaskan hukum syariah. Selain itu, BIMB turut mempunyai anak-anak syarikat lain yang turut beroperasi mengikut hukum syariah seperti Syarikat Al-Ijarah Sendirian Berhad, Syarikat Al-Wakalah Nominees Sendirian Berhad dan Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad. Pada 17 Januari 1992, BIMB telah disenaraikan di Papan Utama, Bursa Saham Kuala Lumpur.

1.1.2 Perkembangan Perbankan Islam Di Malaysia

Selepas penubuhan BIMB pada tahun 1983, tidak ada lagi penubuhan bank Islam di Malaysia sehingga pada tahun 1994, selepas kerajaan memberi kebenaran untuk sebuah lagi bank perdagangan yang beroperasi mengikut hukum syariah secara keseluruhannya ditubuhkan. Namun begitu, Bank Negara Malaysia mempunyai agendanya tersendiri iaitu

untuk mewujudkan SPI seiring dengan sistem bank konvensional. Untuk menjadikan SPI seiring dengan bank konvensional, tiga perkara utama perlu diambil kira. Pertama, sistem ini mestilah mempunyai ahli yang secukupnya, kedua, produk dan perkhidmatan yang ditawarkan mestilah merangkumi keseluruhan sistem bank dan ketiga, pasaran antara-bank yang beroperasi mengikut prinsip Islam perlu diwujudkan.

Dalam usaha untuk menjadikan SPI seiring dengan bank konvensional, pada awal tahun 1993, 21 buah produk bank Islam telah dilancarkan dan pada 4 Mac 1994, Bank Negara Malaysia telah melancarkan skim yang dipanggil 'Skim Perbankan Tanpa Faedah' atau SPTF. Melalui skim ini, institusi kewangan dibenarkan untuk menawarkan perkhidmatan berasaskan prinsip Islam. Ketika skim ini mula dilancarkan, hanya tiga buah bank sahaja yang terlibat dan pada peringkat kedua sejumlah 10 buah institusi kewangan menyertai skim ini. Pada penghujung tahun 1993, SPI terdiri daripada sebuah bank Islam, 20 institusi kewangan konvensional yang terdiri daripada 10 buah bank perdagangan, lapan syarikat kewangan dan dua bank saudagar yang menawarkan perkhidmatan dan produk berdasarkan prinsip Islam.

Selain itu, untuk mencapai hasrat memperkukuhkan dan membangunkan sistem perbankan Islam di Malaysia, pada 1 Mei 1997, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan dengan ahli seramai 10 orang termasuk seorang dari luar negara. Pelbagai keputusan telah dibuat oleh Majlis ini termasuklah membenarkan bayaran pampasan dikenakan kepada peminjam yang gagal membayar balik pembiayaan, peguam wanita dan peguam bukan Islam dibenar menjadi saksi kepada dokumen-dokumen kewangan dan cagaran kedua. Penggunaan perkataan 'Perbankan Islam' digunakan untuk menggantikan 'Perbankan Tanpa Faedah' dan bank-bank yang mengambil bahagian di dalam skim ini dikehendaki menaikkan taraf jabatan berkenaan dan diketuai oleh seorang yang kanan kedudukannya.

Pada tahun 1 Oktober 1999, kerajaan membenarkan sebuah lagi bank berlandaskan syariah ditubuhkan iaitu, Bank Muamalat Malaysia Berhad. Bank

Muamalat Malaysia Berhad ini ditubuhkan hasil daripada gabungan di antara Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan Bank of Commerce (M) Berhad, di mana semua aset yang berlandaskan syariah milik kedua-dua bank ini dipindahkan kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad. Bank ini memulakan operasi dengan 40 buah cawangan dengan lebih 1,000 orang kakitangan.

Jadual 1.1 : Senarai Bank Dalam Sistem Perbankan Islam Di Malaysia

Bank	Permilikan
Bank Islam Malaysia Berhad	Tempatan
Bank Muamalat Malaysia Berhad	Tempatan
AmIslamic Bank Berhad	Tempatan
Affin Islamic Bank Berhad	Tempatan
Alliance Islamic Bank Berhad	Asing
Asian Finance Bank Berhad	Asing
Bank Islam Malaysia Berhad	Tempatan
CIMB Islamic Malaysia Berhad	Tempatan
EONCAP Islamic Bank Berhad	Tempatan
Hong Leong Islamic Bank Berhad	Tempatan
Maybank Islamic Bank Berhad	Tempatan
RHB Islamic Bank Berhad	Tempatan
HSBC Amanah Malaysia Berhad	Asing
Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad	Asing

(Sumber : Bank Negara Malaysia)

Sehingga tahun 2007, terdapat sembilan buah Bank Islam tempatan dan tiga buah Bank Islam asing telah diberi lesen untuk beroperasi iaitu *Kuwait Finance House*, *Saudi Arabia's Al Rajhi Banking and Investment Corporation* dan *Konsortium Qatar Islamic Bank Al Rajhi* disamping bank-bank konvensional yang turut menawarkan skim perbankan Islam. Jumlah deposit perbankan Islam pada akhir tahun 2003 pula adalah sebanyak RM60 bilion berbanding sebanyak RM482 bilion dalam sistem konvensional.

Manakala pembiayaan yang dikeluarkan oleh sistem perbankan Islam untuk tempoh sehingga akhir tahun 2003 ialah sebanyak RM49 bilion. Angka ini terus meningkat pada akhir tahun 2006, apabila mencatatkan jumlah deposit sebanyak RM100 bilion, manakala pembiayaan yang dikeluarkan perbankan Islam pula meningkat kepada hampir RM79 bilion pada akhir 2006.

1.1.3 Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF)

Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) telah diperkenalkan pada 4 Mac, 1993 selepas satu dekad Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) beroperasi. Ia adalah suatu skim yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membolehkan institusi perbankan konvensional yang sedia ada menawarkan produk perbankan berasaskan prinsip Islam. Bank konvensional yang ingin menawarkan SPTF perlu menubuhkan sebuah unit yang dipanggil Unit Perbankan Tanpa-Faedah (IBU). IBU bertanggungjawab terhadap semua aspek operasi SPTF. Jumlah dana minimum yang ditentukan oleh BNM juga diletakkan di bawah IBU untuk SPTF beroperasi. Segala untung dan bayaran yang diterima oleh SPTF akan dimasukkan semula ke dalam dana perbankan tanpa-faedah ini.

Penubuhan SPTF ini adalah salah satu usaha kerajaan untuk menambah syer pasaran perbankan Islam dalam pasaran kewangan negara ke arah menjadikan sistem kewangan Islam yang selari dengan sistem kewangan konvensional. Sektor perbankan di Malaysia memainkan peranan yang besar dalam membantu negara menggalakkan tabungan dan memudahkan pembentukan modal dalam ekonomi. Dengan wujudnya SPTF juga, sektor ini mempunyai perkhidmatan perbankan yang lebih luas untuk ditawarkan kepada orang ramai. Pada awalnya hanya 3 bank domestik menyertai skim tersebut iaitu Malayan Banking Berhad, Bumiputra Malaysia Berhad dan United Malayan Banking Berhad (sekarang dikenali sebagai RHB Bank Berhad). Penyertaan orang ramai dalam skim ini amat menggalakkan. Sehingga suku pertama 1997, terhadap 51 institusi kewangan menyertai SPTF iaitu 25 bank perdagangan, 22 syarikat kewangan dan 4 bank saudagar. Dalam pasaran yang kompetitif ini, kejayaan SPTF bergantung kepada

kewibawaan dalam pengendaliannya. Banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh SPTF dengan bijak dalam merebut peluang-peluang yang ada.

1.1.4 Pengharaman Riba Dalam Islam

Sistem perbankan Islam ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan perbankan yang tidak bertentangan dengan syariah Islam. Secara umumnya, perbezaan antara Bank Islam dan Bank Konvensional adalah keterlibatan dengan 'riba'. Agama Islam mengharamkan riba seperti yang termaktub dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud :

Allah telah menghalalkan jual beli (al-bay') dan mengharamkan riba.

(Surah Al- Baqarah (2) : ayat 275)

Hai orang- orang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu orang-orang yang beriman.

(Surah Al- Baqarah (2) : ayat 278)

Riba diharamkan bukan sahaja dalam agama Islam, malah ia turut diharamkan dikalangan orang Yahudi. Larangan ini termaktub dalam kitab mereka sama ada di dalam kitab undang-undang Talmud dan Ibrani (Zaharuddin, 2007). Selain itu, ajaran Kristian turut mencela pengamalan riba sebagaimana termaktub dalam bab Luke 6:34-35. Justeru itu, penubuhan sistem perbankan Islam ini adalah untuk memenuhi kehendak bukan sahaja umat Islam tetapi juga mereka yang tidak mahu berurusan dengan perbankan konvensional kerana wujudnya unsur-unsur riba. Berbeza dengan matlamat bank konvensional, bank Islam ditubuhkan berlandaskan faktor keuntungan dan keagamaan. Pengharaman amalan riba dan kadar bunga telah memberi alternatif baru kepada ahli ekonomi Islam untuk mewujudkan satu sistem ekonomi yang berlandaskan syariat berlandaskan kadar pulangan dengan perkongsian keuntungan. Idea operasi perkongsian keuntungan (prinsip musyarakah dan mudarabah) telah bermula pada tahun 1930-an atau 1940-an (Siddiqi, 1981: 29-30 dan 1983:22).

Mengikut Surtahman (2005), bank mendapatkan sumber modal melalui saham, tabungan urusniaga dan tabungan pelaburan (Khan dan Mirakhor 1989 : 41-42), manakala Bank Islam Malaysia Berhad mengelaskan sumber tersebut kepada akaun semasa, akaun tabungan dan akaun pelaburan (BIMB 1983 :13-15). Bagi akaun semasa, penyimpanannya tidak mendapat apa-apa bahagian keuntungan bank, sebaliknya dikenakan bayaran perkhidmatan sekiranya menggunakan kemudahan cek yang disediakan. Sementara akaun tabungan lebih merupakan tabungan jimat-cermat pelanggan. Walau bagaimanapun, bank boleh memberikan bahagian keuntungan atau kemudahan hutang tanpa bunga (qardh ul- Hasan). Tujuan menyimpan bagi akaun pelaburan lebih kepada keuntungan. Dalam hal ini, bank menjadi usahawan manakala penyimpan menjadi pemilik modal (operasi mudharabah), pembahagian keuntungan dipersetujui antara kedua-dua belah pihak, misalnya 70-30. Tabungan ini sama seperti simpanan tetap di bank yang mengamalkan kadar bunga.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Sebelum tahun 1995, strategi sasaran pertengahan dasar kewangan yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) ialah mengawal agregat kewangan. Sepanjang tempoh itu, BNM sentiasa memantau pertumbuhan agregat kewangan supaya selari dengan matlamat ekonomi yang diingini. Pada tahun 1995, BNM telah mengubah strategi pertengahan daripada mengawal agregat kepada mengawal kadar bunga. Perubahan strategi ini disebabkan empat faktor utama iaitu :

- i. Liberalisasi kadar bunga sejak tahun 1978 menyebabkan proses penentuan kadar bunga berasaskan kepada orientasi pasaran. Hal ini menyebabkan bank-bank telah bersaing dengan hebat untuk menawarkan kadar bunga yang menarik dan mengakibatkan kadar bunga pinjaman dan simpanan mengalami volatiliti yang kerap dan menyukarkan proses membuat keputusan dan menyimpan.

- ii. Proses deregulasi dan liberalisasi kewangan yang dilakukan di sepanjang tempoh telah mengukuhkan peranan kadar bunga sebagai mekanisme transmisi dasar kewangan.
- iii. Berlaku peralihan mendadak terhadap corak pembiayaan ekonomi sejak pertengahan tahun 1980an yang diikuti oleh perubahan struktur ekonomi yang mana corak pembiayaan telah beralih daripada pasaran yang kurang anjal terhadap kadar bunga (pasaran sekuriti kerajaan) kepada pasaran yang sensitif kepada kadar bunga (kredit bank dan pasaran modal).
- iv. BNM berhasrat untuk mengekalkan kadar pulangan deposit benar yang positif. Oleh sebab itu, ia memerlukan dasar yang memberikan kestabilan kadar bunga dan memberikan sumbangan yang lebih efektif terhadap proses transmisi dasar kewangan.

Sejak November 1995, BNM telah mula mengawal kadar bunga pinjaman asas (BLR), ia dilakukan dengan memasukkan nisbah keperluan rizab (SRR) dan kadar campurtangan tiga bulan ke dalam formula pengiraan kadar pinjaman asas. Sejak itu, BNM menurunkan SRR dan kadar campurtangan tiga bulan secara berperingkat-peringkat. Hal ini menyebabkan purata kadar pinjaman asas di sistem perbankan jatuh. Hal yang sama terjadi kepada kadar bunga di perbankan konvensional dan kadar pulangan di SPI. Namun begitu, penurunan itu tidak menjejaskan jumlah deposit pelaburan di SPI apabila jumlah deposit meningkat daripada RM9.895 bilion pada tahun 1995 kepada RM107.5 bilion pada tahun 2007 (seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2). Ini menunjukkan seolah-olah pengurangan kadar pulangan tidak mempengaruhi permintaan deposit di SPI.

Jadual 1.2 : Pengiraan kadar Pinjaman asas (BLR)

Tarikh Kuatkuasa	Bank Perdagangan	Syarikat Kewangan
1 November 1983	Setiap bank dan syarikat kewangan diwajibkan untuk mengira BLR berdasarkan kepada kos dana selepas mengambilkira kos rizab berkanun, keperluan kecairan asset dan averhead.	
1 September 1987	0.5% + BLR dua buah bank yang utama	<0.55 + BLR dua buah bank yang utama
1 Februari 1991	Kos dana + Kos Staf + Overhead + Margin Untung (0.25%)	
November 1995	$\frac{(\text{purata 3b kb antara bank} \times 0.8)}{1-SRR} + 2.5\%$	
September 1998	$\frac{(\text{kadar campurtangan} \times 0.8)}{1-SRR} + 2.5\%$	

Sumber : Bank Negara Malaysia

Jadual 1.3 : Jumlah Permintaan Deposit Dalam Sistem Perbankan Islam

Tahun	Jumlah deposit (billion)
1997	RM9.895
1998	RM10.172
1999	RM24.4
2000	RM31.015
2001	RM32.523
2002	RM33.126
2003	RM60.212
2004	RM72.857
2005	RM77.694
2006	RM99.176
2007	RM107.5

Sumber : Laporan Bank Negara Malaysia

Daripada permasalahan yang telah dikenalpasti timbul persoalan adakah pengurangan kadar pulangan tidak memberi kesan ke atas permintaan deposit di Sistem Perbankan Islam?, Adakah pengubahsuaian strategi pertengahan tidak memberi kesan ke atas permintaan deposit di kedua-dua sistem perbankan di Malaysia? dan Adakah kadar pulangan merupakan faktor utama yang mempengaruhi permintaan deposit di Malaysia?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

➤ Objektif Umum :

- ✓ Mengkaji secara empirikal pengaruh kadar pulangan ke atas kadar permintaan deposit di Sistem Perbankan Islam di Malaysia.

➤ Objektif Khusus :

- ✓ Menganalisa hubungan antara kadar pulangan deposit dengan permintaan deposit di SPI.
- ✓ Mengkaji perubahan ke atas permintaan deposit di SPI dan bank konvensional selepas perubahan strategi dasar kewangan pada tahun 1995.
- ✓ Membandingkan impak kadar faedah dan kadar pulangan ke atas permintaan deposit bank konvensional dan perbankan Islam.

1.4 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini tertumpu kepada permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam di Malaysia yang terdiri daripada bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui kesan perubahan strategi pertengahan dasar kewangan ke atas permintaan deposit dalam perbankan Islam dan adakah konsep perkongsian keuntungan yang diamalkan dalam sistem perbankan Islam dapat meningkatkan permintaan deposit di perbankan Islam.

Data yang akan digunakan merangkumi data dari tahun 1990 sehingga 2007, analisis ini dibahagikan kepada dua tempoh masa iaitu sebelum dan selepas pengubahsuaian strategi pertengahan dasar kewangan pada tahun 1995.

1.5 ORGANISASI KAJIAN

Untuk memudahkan pembincangan, kajian ini dibahagi kepada beberapa bahagian iaitu bahagian pertama membincangkan serba sedikit tentang sejarah perkembangan perbankan Islam di Malaysia. Di samping itu, bahagian ini juga memperincikan permasalahan kajian serta objektif umum dan khusus untuk melancarkan perjalanan kajian. Selain itu, skop kajian juga di bincang dalam bab ini.

Bahagian kedua pula merujuk kepada penerangan tajuk kajian. Justeru, pengumpulan kajian-kajian lepas daripada pelbagai sumber sekunder oleh para cendekiawan serta pakar ekonomi bagi membantu kajian dijalankan. Rujukan dari kajian lepas dapat membantu untuk melaksanakan kajian ini dengan lebih terperinci.

Bahagian tiga akan membincangkan metodologi kajian dan teori yang akan digunakan dalam kajian. Data yang akan digunakan merupakan data sekunder yang akan diperolehi melalui Laporan Bank Negara Malaysia. Data yang diperolehi akan di analisis menggunakan kaedah-kaedah ekonometrik seperti Ujian Punca Unit dan Ujian Kointegrasi Johansen dan Juselius untuk mengkaji hubungan jangka panjang yang wujud.

Bahagian empat pula merujuk kepada hasil keputusan keseluruhan kajian dengan menggunakan pelbagai ujian. Setiap keputusan akan dihuraikan dengan jelas serta dipersembahkan dalam bentuk graf, rajah dan jadual.

Bahagian terakhir dalam kajian akan merumuskan hasil kajian serta membincangkan dengan lebih terperinci hubungan yang wujud antara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan di samping menilai kelebihan serta kekurangan kajian untuk memudahkan pengkaji-pengkaji akan datang.

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN

2.1 KERANGKA TEORI

Bab ini membincangkan serba sedikit mengenai kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Terdapat hanya sebilangan kecil pengkaji yang menjalankan kajian mengenai komponen permintaan wang seperti permintaan wang dan permintaan deposit, namun kebanyakan daripadanya lebih tertumpu kepada persoalan empirikal mengenai teori-teori permintaan wang. Secara teorinya, permintaan wang adalah untuk memenuhi tiga tujuan iaitu spekulasi, awasan dan urusniaga. Namun begitu menurut Friedman (1956), wang juga diminta untuk mendapatkan pulangan dalam bentuk kadar bunga misalnya melalui deposit tetap dan deposit tabungan yang disimpan di bank. Oleh itu, sistem perbankan akan bersaing sesama sendiri untuk menarik deposit daripada pelanggan dengan memberi kadar faedah simpanan yang lebih kompetitif. Walaubagaimanapun, kadar bunga adalah diharamkan dalam agama Islam.

2.2 TEORI

2.2.1 Permintaan Deposit

Menurut Zulkefly (2004), kajian mengenai komponen permintaan wang seperti permintaan deposit (deposit semasa dan deposit bermasa) dan permintaan mata wang tidak banyak dilakukan oleh pengkaji lepas. Kebanyakan pengkaji lepas lebih menumpukan kepada kajian secara empirikal berkenaan teori-teori permintaan wang.

Dalam teori klasik, wang berfungsi sebagai alat perantaraan, penyimpan nilai, penentu nilai dan sumber bayaran tertunda. Namun begitu, teori permintaan wang telah diperkembangkan oleh Keynes (1936) dalam kajiannya iaitu 'Teori Umum Guna Tenaga, Bunga dan Wang' yang menjelaskan peranan kadar bunga terhadap permintaan wang. Keynes menjelaskan tiga motif

utama permintaan wang iaitu untuk tujuan spekulasi, urusan niaga dan awasan. Semenjak itu, terdapat ramai ahli ekonomi yang mengkaji peranan kadar bunga secara mendalam. Ini termasuk Friedman (1956) yang mengkaji pendekatan wang sebagai asset dan pendekatan teori permintaan pengguna. Mengikut pendekatan yang diperkenalkan Milton Friedman, permintaan wang merupakan sebahagian permintaan terhadap kekayaan. Ini bererti bahawa setiap keputusan memegang wang merupakan tindakan yang bukan berasingan yang berasaskan fungsi wang semata-mata. Sebaliknya, keputusan itu merupakan sebahagian tindakan yang lebih menyeluruh. Maksudnya, keputusan memegang wang harus melibatkan juga pemilihan permintaan aset kewangan lain seperti aset fizikal, seperti tanah dan bangunan, modal manusia dan juga bon dan ekuiti. Pulangan bon dan ekuiti selalunya dikaitkan dengan harga setiap aset tersebut dalam bentuk kadar bunga. Disamping itu, pulangan wang juga dapat dikaitkan dengan kadar bunga, contohnya, jika wang disimpan dalam deposit tetap di bank, sudah pasti pemiliknya akan menerima kadar bunga sebagai ganjaran. Hal ini menggambarkan bahawa pendapatan dari kadar bunga tidak akan diperoleh sekiranya wang tidak dilaburkan sebaliknya dipegang. Ini bermakna, jika kadar bunga meningkat, maka kos melepas memegang wang juga turut meningkat iaitu, permintaan wang akan jatuh. Kesimpulannya, permintaan wang benar berhubungan secara songsang dengan pulangan ke atas aset (kadar bunga). Dengan kata lain, permintaan wang akan meningkat sekiranya kadar bunga menurun.

2.2.2 Kadar Pulangan

Berbeza dengan ekonomi Islam, kadar bunga atau riba adalah diharamkan sepertimana yang termaktub dalam ayat yang telah diwahyukan kepada nabi Muhammad s.a.w. Ayat pertama diturunkan di Makkah, menunjukkan kebencian Allah S.W.T terhadap riba sekaligus menjadi peringatan agar tidak dilaksanakan. Namun begitu, ayat ini tidak menunjukkan pengharamannya.

‘Dan suatu riba (tambahan) yang kamu berikan untuk menambah harta manusia, maka yang demikian itu tidak (bererti) bisa menambah di sisi Allah S.W.T’

(Surah Ar-ruum 30:39)

Ayat kedua diturunkan di Madinah pada tahun keempat atau kelima Hijrah. Ayat ini menceritakan kemurkaan Allah S.W.T terhadap orang Yahudi yang mengamalkan riba.

‘Maka disebabkan kezaliman yang amat besar daripada perbuatan orang Yahudi, Kami haramkan atas mereka makanan baik yang pernah dihalalkan bagi mereka, dan disebabkan mereka banyak menghalang manusia daripada jalan Allah. Dan juga (disebabkan) mereka mengambil riba padahal mereka telah dilarang melakukannya’

(Surah An-nisa 4:160-161)

Ayat ketiga juga diturunkan di Madinah. Ayat ini menunjukkan larangan tegas terhadap pengharaman salah satu jenis riba iaitu riba nasiah. Namun, ia masih tidak menunjukkan larangan secara menyeluruh. Pengharamannya hanya berlaku bagi amalan riba yang mengambil keuntungan secara berlipat ganda.

‘Wahai orang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda...’

(Surah A-li Imran 30:130)

Dengan turunnya ayat keempat ini, riba telah dharamkan secara keseluruhannya. Ayat ini juga merupakan ayat tentang pengharaman riba yang wajib dipegang oleh seluruh umat Islam.

‘Wahai orang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah S.W.T dan tinggallah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang yang beriman.’

(Surah al-Baqarah 2:278)

Selain itu, terdapat juga hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dan Bukhari daripada Abu Hudzailifah yang menyatakan larangan yang sama yang dikenakan bukan sahaja untuk mereka yang memakan riba, malah yang memberi makan dari hasil riba (yang menulis dan saksinya) sama sahaja hukumnya.

Bukti-bukti pengharaman di atas menunjukkan tiada alasan yang menghalalkan umat Islam dalam urusan niaga yang mengandungi riba, maka ini membuka inisiatif baru bagi ahli ekonomi untuk mencari mekanisme alternatif untuk menggantikan kadar bunga yang diamalkan oleh sistem perbankan konvensional agar umat Islam dapat turut serta dan memastikan umat Islam tidak ketinggalan dalam ekonomi. Antara kaedah yang diperkenalkan ialah kadar pulangan dengan perkongsian keuntungan (*profit sharing*) dan pelaburan.

2.3 PERKEMBANGAN SEMASA INDUSTRI PERBANKAN ISLAM MALAYSIA

Industri perbankan Islam kini semakin berkembang pesat dari hari ke hari, bukan sahaja di Malaysia, malah perbankan Islam turut menunjukkan perkembangan secara global. Krisis yang dihadapi AS membuktikan sistem konvensional semasa yang berteraskan riba mempunyai banyak kelemahan dan ketidakseimbangan berbanding sistem kewangan Islam yang bebas riba. Ia dilihat semakin kukuh dan mampu bertahan dalam apa jua keadaan ketika dunia bergelut zaman kemelesetan dan pergerakan pelahan serta tidak berdaya saing, dijangka bakal mempengaruhi banyak negara. Kemampuan perbankan Islam tumbuh 15 peratus setahun mencerminkan ia bakal menjadi peneraju kewangan antarabangsa.

Di Malaysia, walaupun berkembang dengan perlahan pada awalnya, aset dan deposit perbankan Islam meningkat kira-kira 15-20% setahun. Pada tahun 2001, kedudukan modal sektor perbankan Islam mencatatkan RM58,928 bilion dan meningkat kira-kira sebanyak RM84,769.6 pada akhir Jun 2007. Peningkatan dalam keuntungan perbankan Islam di dorong oleh terutamanya oleh pertumbuhan dalam pendapatan daripada pembiayaan, dagangan dan pelaburan serta kutipan balik aset tidak berbayar yang lebih tinggi.

Jadual 2.1 : Penunjuk Utama Perbankan Islam dari tahun 2001 – 2007

RM Juta							
	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007
Aset	58,928	64,164	82,182	94,574	111,823.5	133,033.9	143,697.6
Deposit	47,106	52,299	60,212	72,857	83,874.8	99,176.4	107,467.7
di mana:							
pembiayaan	33,505	36,880	35,228	41,993	44,579.3	64,136.8	71,133.9
Simpanan	4,149	4,881	6,866	8,432	9,504.5	11,096.0	12,029.6
Permintaan	6,457	7,305	10,973	12,887	14,785.6	20,525.2	19,491.9
Lain-lain			7,145	9,545	15,005.4	3,418.4	4,812.2
Pembiayaan	28,201	33,164	48,612	57,841	67,364.6	78,518.3	81,532.1

Sumber : Bank Negara Malaysia

*1 = Sehingga Akhir Jun 2007

Dalam tempoh enam bulan pertama 2007, jumlah aset sektor perbankan Islam meningkat sebanyak 8% daripada RM133 bilion kepada RM143.7 bilion merangkumi 12.1% daripada jumlah aset sistem perbankan seperti yang diterangkan dalam Jadual 2.2. Deposit perbankan Islam juga meningkat sebanyak 8.4% daripada RM99.2 bilion kepada RM107.5 bilion. Jumlah ini mencakupi sebanyak 12.8% dalam pasaran. Manakala pembiayaan meningkat sebanyak 3.8% kepada RM81.5 bilion meliputi 13.3% jumlah pinjaman sistem perbankan.

2.4 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Terdapat sebilangan kecil pengkaji yang menjalankan kajian mengenai hubungan antara kadar pulangan dengan permintaan deposit. Di Malaysia, kajian terhadap permintaan deposit masih belum mendapat perhatian, kebanyakan pengkaji lebih gemar untuk mengkaji berkenaan

permintaan wang. Namun begitu, terdapat kajian awal telah dilakukan untuk menentukan faktor utama yang mempengaruhi permintaan wang dan deposit di perbankan konvensional.

Zulkefly, Aminudin dan Mohd Azlan (2004) mengkaji tentang pengaruh struktur kadar pulangan deposit terhadap permintaan deposit di Sistem Perbankan Islam (SPI) yang terdiri daripada bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pembolehubah-pembolehubah yang terdiri daripada deposit pelaburan (DP), deposit simpanan (DS), kadar pulangan deposit pelaburan (KPDP) dan kadar pulangan deposit simpanan (KPDS). Data bagi keempat-empat pembolehubah diperolehi daripada Laporan Bank Negara Malaysia (BNM) yang merangkumi data bulanan dari bulan Mac 1994 hingga bulan November 2002 (105 cerapan). Untuk mencapai objektif kajian, pengkaji menggunakan kaedah-kaedah ekonometrik seperti ujian 'unit root' iaitu *Augmented Dickey Fuller* (ADF), Ujian kointegrasi Johansen (1988) dan Johansen dan Juselius (1990), ujian Chow (untuk mengesan perubahan struktur yang wujud terhadap permintaan deposit di SPI) dan ujian sebab-menyebabkan Granger dalam versi model vector pembedahan ralat (VECM). Ujian Chow yang dijalankan mendapati wujud perubahan struktur terhadap fungsi permintaan deposit bagi ketiga-tiga buah (bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar) tersebut dan SPI secara keseluruhan. Oleh itu, analisis perlu dibahagikan kepada dua kumpulan sampel iaitu sampel 1 (Mac 1994 hingga Jun 1997) dan sampel 2 (Julai 1997 hingga November 2002). Ujian kointegrasi membuktikan kewujudan hubungan jangka panjang antara permintaan deposit pelaburan dengan kadar pulangan pelaburan dan antara permintaan deposit simpanan dengan kadar pulangan deposit simpanan bagi kedua-dua kumpulan sampel. Di akhir kajian, pengkaji merumuskan bahawa kadar pulangan deposit signifikan mempengaruhi pertumbuhan permintaan deposit dalam jangka panjang di Bank perdagangan dan syarikat kewangan bagi kedua-dua kumpulan sampel. Namun begitu, bagi bank saudagar tidak wujud hubungan sebab-menyebabkan antara kadar pertumbuhan kadar pulangan dengan permintaan deposit bagi sampel 1, manakala bagi sampel 2 didapati pertumbuhan permintaan deposit pelaburan menjadi penyebab jangka pendek dan jangka panjang kepada pertumbuhan kadar pulangan deposit pelaburan.

Ahmad Kalem dan Mansor Md Isa (2002), mengkaji tentang sejauhmana kadar pulangan deposit bank konvensional dapat menggantikan pulangan permintaan bank Islam, ia membandingkan data purata agregat syarat pulangan permintaan bank Islam dan syarat pulangan deposit bank konvensional yang ditawarkan oleh bank komersial, syarikat kewangan dan bank saudagar. Disamping itu, pengkaji turut mengkaji hubungan antara syarat pulangan deposit perbankan Islam dengan perbankan konvensional dan sama ada syarat pulangan deposit perbankan Islam mempengaruhi perbankan konvensional atau sebaliknya. Kajian ini tidak bersetuju bahawa wujud hubungan antara dasar kewangan dengan syarat pulangan deposit perbankan Islam dan perbankan konvensional semenjak Bank Negara Malaysia bertanggungjawab untuk mengawal dan mengawasi sistem kewangan. Dalam kajian ini, mereka menggunakan ujian sebab-penyebab Granger untuk mengkaji sama ada wujud hubungan secara langsung mahupun tidak antara syarat pulangan deposit perbankan Islam dengan syarat pulangan deposit perbankan konvensional. Analisis dibahagikan kepada enam kategori berlainan mengikut tempoh masa iaitu satu(1) bulan, tiga(3) bulan, enam(6) bulan, sembilan(9) bulan, dua belas (12) bulan dan akaun simpanan. Teknik ini digunakan untuk meramalkan pembolehubah tertentu daripada dipengaruhi nilai pembolehubah lain. Dalam kajian ini, model sebab penyebab Granger mengkaji hubungan secara langsung atau tidak langsung antara syarat pulangan deposit perbankan Islam dengan syarat pulangan deposit perbankan konvensional. Data kajian ini merangkumi data bulanan dari Januari 1994 hingga Disember 2002 meliputi data syarat pulangan deposit bank-bank komersial, syarikat kewangan dan bank-bank saudagar. Hasil kajian mendapati bahawa syarat pulangan deposit bank konvensional mempengaruhi atau memberi kesan ke atas syarat pulangan deposit perbankan Islam. Keseluruhan kajian mendapati bahawa bahawa perbankan Islam mengambil kira kadar pulangan yang ditetapkan oleh perbankan konvensional sebelum menetapkan kadar pulangan deposit.

Sudin Haron dan Norafifah Ahmad (1998), mengkaji kekuatan hubungan antara deposit di perbankan Islam, kadar keuntungan dalam perkhidmatan simpanan dan pelaburan disamping mengukur sama ada kadar faedah diperbankan konvensional memberi kesan langsung ke atas tingkat deposit di perbankan Islam. Kajian yang dilakukan menggunakan '*Adaptive Expectation Model*' untuk mengukur kesan atau impak kadar keuntungan ke atas tingkat deposit

di perbankan Islam. Hasil kajian mendapati kadar keuntungan berhubungan positif dengan tingkat deposit di perbankan Islam dan tingkat deposit di perbankan konvensional berhubungan negative dengan tingkat deposit di perbankan Islam. Kajian juga mendapati pendeposit terdorong untuk melabur ataupun menyimpan wang mereka kerana kadar keuntungan yang ditawarkan. Menurut Sudin dan Norafifah, berdasarkan kajian yang dijalankan Haron dan Shanmugam (1995), menggunakan '*Pearson Correlation*' dan '*First Order Autoregressive Model*' mendapati bahawa terdapat hubungan yang sangat negatif antara kadar keuntungan dengan deposit perbankan Islam. Dapatan kajian yang diperolehi bagaimanapun selari dengan kajian awal yang telah dilakukan di Sudan, Jordan, Malaysia dan Singapura.

Saad A. Metawa dan Mohammed AlMossawi (1998), mengenalpasti faktor utama yang mempengaruhi pengguna untuk menggunakan perbankan Islam di Bahrain. Kajian ini juga untuk mengenalpasti kelakuan pengguna seperti kesedaran, kegunaan, keutamaan dan darjah kepuasan menggunakan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh *Bahrain Islamic Bank* dan *Faisal Islamic Bank*. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah teknik pengumpulan data dan analisis data secara deskriptif dan statistik. Kajian yang dilakukan menggunakan teknik pengumpulan data secara data primer iaitu melalui soal-selidik. Soal selidik dijalankan selama tiga bulan iaitu dari Disember 1996 hingga Februari 1997 melibatkan 300 pengguna perbankan Islam di Bahrain. Analisis data secara deskriptif digunakan dalam kebanyakan kajian melibatkan kelakuan dan biasanya dilakukan sebelum analisis secara statistik dijalankan. Hasil kajian mendapati bahawa faktor keagamaan merupakan faktor utama yang mempengaruhi pengguna untuk menggunakan perbankan Islam kerana aktiviti yang dijalankan berlandaskan syariah sepertimana pengharaman riba di perbankan Islam.

Ahmad Kaleem (1999), mengkaji tentang keberkesanan alat kewangan Islam dalam sistem dwi-perbankan. Disamping itu, Ahmad Kaleem turut mengkaji secara empirikal permintaan terhadap alat kewangan Islam. Kajian ini menggunakan permintaan wang, pendapatan benar, inflasi dijangka, kadar faedah, wang benar dan kredit benar sebagai pembolehubah untuk mencapai objektif kajian yang telah digariskan. Pembolehubah Dummy⁹⁷

dimasukkan untuk melihat impak krisis kewangan pada tahun 1997 ke atas alat kewangan. Hasil kajian menolak hipotesis bahawa alat kewangan Islam lebih stabil dan dapat menangani krisis sama seperti perbankan konvensional.

Secara ringkasnya, dapatan kajian para pengkaji lepas menyatakan wujud hubungan jangka panjang antara kadar pulangan dengan permintaan deposit di SPI. Kebanyakan kajian yang dijalankan menggunakan kaedah-kaedah ekonometrik seperti ujian punca unit, ujian sebab penyebab Granger, '*Adaptive Expectation Model*' dan Ujian Kointegrasi Johansen. Selain dijalankan secara empirical, terdapat ramai pengkaji yang cenderung untuk mengkaji persoalan kaitan antara permintaan deposit dengan kadar pulangan melalui kajian kelakuan kecenderungan pengguna memilih produk perbankan Islam. Rata-rata kajian mendapati faktor keagamaan menjadi sebab yang paling utama bagi pengguna untuk menggunakan perbankan Islam.

BAB TIGA

METHODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi merupakan kaedah yang digunakan bagi mencapai objektif kajian. Bab ini menerangkan secara terperinci tentang metodologi yang dijalankan untuk kajian ini. Secara ringkasnya, kajian ini akan menggunakan data sekunder yang diperolehi dari Laporan Bank Negara dan akan di analisis menggunakan kaedah ekonometrik iaitu '*Autoregressive Distributed Lag*' (ARDL).

3.2 SUMBER DATA

Menurut Sekaran (1992), data boleh dipungut dalam pelbagai cara, dalam persekitaran yang berbeza dan daripada sumber-sumber yang berbeza. Beliau menyatakan yang terdapat dua sumber data iaitu data primer atau data sekunder. Data primer seperti yang tersebut oleh Zikmund (2000), adalah data yang dikumpul khusus untuk satu-satu projek penyelidikan. Data Sekunder pula adalah data yang telah dahulunya telah dikeluarkan oleh pihak-pihak berkenaan dan digunakan semula bagi sesetengah projek penyelidikan.

Bagi mencapai objektif kajian yang telah digariskan, kajian ini akan menggunakan sepenuhnya data sekunder. Data yang akan digunakan dalam kajian ini diperolehi daripada Laporan Bank Negara (pelbagai tahun) merangkumi data dari tahun 1990 hingga 2007. Data yang akan digunapakai dalam kajian ini meliputi data siri masa bagi jumlah deposit bagi perbankan konvensional, jumlah deposit bagi perbankan Islam, kadar faedah, kadar pulangan deposit perbankan Islam, kadar benar aset dan kadar pulangan rizab (SRR).

3.3 HIPOTESIS KAJIAN

Daripada objektif yang telah digariskan dalam bab 1, berikut adalah hipotesis kajian yang telah dikenalpasti :

a) Hipotesis 1

H_0 = Kadar pulangan deposit tidak mempengaruhi permintaan deposit di sistem perbankan Islam.

H_a = Kadar pulangan deposit mempengaruhi permintaan deposit di sistem perbankan Islam.

b) Hipotesis 2

H_0 = Perubahan strategi dasar kewangan pada tahun 1995 tidak memberi kesan ke atas permintaan deposit di Malaysia

H_a = Perubahan strategi dasar kewangan pada tahun 1995 memberi kesan ke atas permintaan deposit di Malaysia

c) Hipotesis 3

H_0 = Permintaan deposit di sistem perbankan Islam tidak dipengaruhi kadar faedah yang ditawarkan perbankan konvensional.

H_a = Permintaan deposit di sistem perbankan Islam dipengaruhi kadar faedah yang ditawarkan perbankan konvensional.

d) Hipotesis 4

H_0 = Permintaan deposit di sistem perbankan konvensional tidak dipengaruhi kadar pulangan yang ditawarkan sistem perbankan Islam.

H_a = Permintaan deposit di sistem perbankan konvensional dipengaruhi kadar pulangan yang ditawarkan sistem perbankan Islam.

3.4 PENGUKURAN PEMBOLEHUBAH

3.4.1 Permintaan Deposit

Setiap jenis deposit memberikan kadar bunga dan kadar pulangan yang berbeza kepada pendeposit. Secara umumnya, semakin panjang sesuatu deposit, semakin tinggi kadar bunga dan kadar pulangan yang mesti diberikan kepada pendeposit. Hal ini disebabkan nilai semasa wang dan kecerunan keluk pulangan yang menaik.

Dalam sistem perbankan Islam, deposit adalah berdasarkan kontrak al-Mudharabah dan al-wadia'ah. Mengikut kontrak yang diamalkan tersebut, pendeposit menerima pulangan dalam bentuk kadar yang ditentukan oleh bank mengikut peratusan keuntungan yang diperoleh oleh bank. Pendeposit tidak dibayar dengan kadar bunga tetapi berdasarkan jumlah keuntungan pelaburan yang ditetapkan oleh bank.

Permintaan deposit di yang ditawarkan dalam kebanyakan SPI ialah akaun semasa (al-Wadiah Yad Dhamanah, akaun tabungan (al-Wadiah Yad Dhamanah) dan akaun pelaburan (al-Mudharabah). Permintaan deposit itu biasanya berpunca daripada empat pihak iaitu individu, kerajaan, badan perniagaan dan institusi kewangan.

Selain kadar bunga yang ditawarkan, permintaan deposit dipengaruhi oleh keadaan ekonomi, kekayaan yang sedia ada, pengagihan pendapatan, jaminan pendapatan dan jaminan pendapatan pada masa akan datang. Misalnya, dalam keadaan ekonomi meleset orang ramai lebih cenderung untuk lebih banyak menabung. Mereka akan berusaha untuk mendapatkan lebih banyak pulangan sehingga dapat mengatasi kekurangan pendapatan pada masa akan datang.

3.4.2 Kadar Pulangan Deposit

Ciri utama yang terdapat dalam sistem perbankan Islam ialah pengharaman riba atau kadar bunga. Namun begitu, untuk menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan dan produk kewangan yang ditawarkan sistem perbankan Islam telah memperkenalkan konsep perkongsian keuntungan berdasarkan prinsip mudharabah. Jika di perbankan konvensional, pendeposit dapat mengetahui pulangan yang akan diperolehi pada awal tempoh simpanan, sebaliknya berlaku dalam bank Islam. Dalam amalan perbankan Islam, kadar pulangan deposit diberikan mengikut kadar keuntungan yang dipersetujui bersama dan bukannya kadar bunga.


Di dalam panduan yang diberikan oleh AAOIFI tidak dinyatakan dengan jelas mengenai cadangan agihan keuntungan. Panduan tersebut hanya menyatakan bahawa pihak bank ketika melaksanakan tugasnya sebagai pengurus pelaburan dana yang disimpan pelanggan akan menerima pulangan dalam bentuk peratusan daripada keuntungan.

3.4.3 Kadar Faedah

Satu daripada peranan bank pusat yang utama untuk menyediakan suasana kewangan yang baik bagi menjamin kestabilan kewangan. Tindakan yang diambil untuk mencapai matlamat itu termasuklah mengawal kadar bunga dan menyediakan kredit dalam ekonomi. Di Malaysia, Bank Negara mempunyai pengaruh yang besar terhadap kadar bunga dan ketersediaan dana kepada bank, kredit bank dan juga wang. Selain menentukan kadar faedah dan aliran kredit bank, Bank Negara juga boleh menentukan aliran kredit kepada sektor-sektor tertentu yang diberi keutamaan dalam ekonomi. Secara langsung jumlah wang dan kredit ini akan mempengaruhi keputusan untuk berbelanja, menabung dan memberi pinjaman.

Rajah 3.1 merupakan carta yang memperlihatkan secara ringkas tindakan yang diambil oleh Bank Negara, iaitu dengan menggunakan dasar kredit dan wang dalam sistem kewangan, boleh mempengaruhi paras kadar faedah di pasaran. Secara ringkas, matlamat dasar kewangan yang dijalankan akan mempengaruhi jumlah cadangan atau rizab bank. Bank-bank perdagangan biasanya akan bertindak balas terhadap perubahan rizab atau perubahan langsung dari segi kadar faedah itu.

Rajah 3.1 Carta Aliran Tindakan BNM terhadap Kadar Faedah, Simpanan dan Pelaburan/ Penggunaan Wang.



3.4.4 SPDK (*Dummy Variable*).

Bagi menjawab objektif kedua yang telah digariskan iaitu untuk mengkaji perubahan ke atas permintaan deposit di SPI dan bank konvensional selepas perubahan strategi dasar kewangan pada tahun 1995, kajian ini akan memasukkan pembolehubah patung ke dalam model regresi. Menurut Johnston(1992), pembolehubah patung ini dibentuk khas untuk menerangkan faktor-faktor seperti kesan sementara, kesan yang disebabkan oleh keadaan berbeza-beza, pembolehubah kualitatif dan kumpulan yang lebih luas bagi pembolehubah kuantitatif.

Pembolehubah patung “SPDK” diperkenalkan untuk melihat perubahan yang berlaku ke atas sistem perbankan Islam dan konvensional akibat dari perubahan dasar kewangan pada tahun 1995. Pada dasarnya, dasar kewangan yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia adalah dengan mengawal agregat kewangan. Namun pada pertengahan November 1995 sehingga kini Bank Negara Malaysia telah mengubah dasar kepada mengawal kadar bunga pinjaman asas.

3.5 MODEL PENGANGGARAN

Kajian ini adalah satu kajian ekonometrik. Bagi tujuan tersebut, satu model regresi berbilang dibentuk. Model regresi berbilang adalah untuk mengkaji kebergantungan satu pembolehubah bersandar terhadap dua atau lebih pembolehubah bebas. Pembolehubah bersandar adalah pembolehubah yang nilainya dipengaruhi oleh pembolehubah lain yang dikenali sebagai pembolehubah bebas. Dalam kajian ini, oleh kerana permintaan deposit adalah serupa dengan permintaan terhadap aset, maka kajian ini cuba mengaplikasikan model tersebut dalam permintaan deposit bagi konvensional dan SPI.

$$D_dSPI = \beta_0 + \beta_1 RD_t + \beta_2 r_t + \beta_3 i_t + \beta_4 Y_t + \beta_5 SRR_t + \beta_6 SPDK_t + e_t \quad (1)$$

$$D_dKON = \beta_0 + \beta_1 RD_t + \beta_2 r_t + \beta_3 i_t + \beta_4 Y_t + \beta_5 SRR_t + \beta_6 SPDK_t + e_t \quad (2)$$

Dimana, D_dSPI ialah permintaan deposit untuk SPI, D_dKON ialah permintaan deposit untuk bank konvensional, RD ialah kadar pulangan deposit, r ialah kadar faedah, I ialah kadar benar aset, SRR ialah nisbah pulangan rizab, manakala $SPDK$ ialah pembolehkan patung untuk mengkaji perubahan kepada pembolehkan selepas perubahan strategi pertengahan dasar kewangan pada tahun 1995 dan ε ialah faktor-faktor lain yang mempengaruhi permintaan deposit seperti perubahan nisbah keperluan rizab (SRR), pengaruh teknologi, perundangan, perubahan kekayaan dan pendapatan negara.

3.6 AUTOREGRESSIVE DISTRIBUTED LAG (ARDL)

Analisis adalah proses statistik untuk memahami dan mentafsirkan data yang telah dikumpul tentang perkara itu (Zikmund, 2000). Kajian ini akan menggunakan kaedah ekonometrik untuk menjawab objektif kajian. Kaedah ekonometrik yang akan digunakan ialah '*Autoregressive Distributed Lag*' (ARDL).

Daripada model permintaan deposit di atas, kajian ini memperincikan fungsi permintaan deposit kepada:

$$\ln D_dSPI_t = a + b \ln RD_t + i_t + Y_t + SRR_t + SPDK_t + \varepsilon_t \quad (3)$$

$$\ln D_dKON_t = a + b \ln r_t + i_t + Y_t + SRR_t + SPDK_t + \varepsilon_t \quad (4)$$

Di mana, permintaan deposit bagi kedua-dua perbankan, kadar bunga dan kadar pulangan adalah dalam bentuk '*log-linear*'. Sebelum menggunakan kaedah kointegrasi,

haruslah menentukan jenis kointegrasi setiap pembolehubah. Walaubagaimanapun, berdasarkan kaedah 'unit root test', kaedah yang berlainan akan menghasilkan keputusan yang berlainan. Berdasarkan ketidakpastian ini, Pesaran and Shin (1995) telah memperkenalkan kaedah baru dalam ujian kointegrasi iaitu yang dikenali sebagai pendekatan 'Autoregressive Distributed Lag' (ARDL).

Kelebihan yang terdapat dalam kaedah ini ialah mengabaikan pengelasan pembolehubah sama ada $I(1)$ tau $I(0)$ dan tidak perlu menjalani ujian pra-punca unit (*unit root pre-testing*) seperti ujian kointegrasi yang lain. Selain itu, dapat menentukan hubungan yang koefisien dengan jumlah cerapan yang kecil, (Ghatak dan Siddiki, 2001). Akhir sekali, kaedah ARDL dapat mengatasi masalah yang timbul daripada data siri masa yang tidak pegun (Laurenceson and Chai, 2003). Daripada persamaan (3) dan (4) diatas, persamaan menggunakan pendekatan ARDL dibentuk sebagaimana berikut:

$$\begin{aligned} \Delta \ln DdSPI_t = & a_0 + \sum_{j=1}^n a_j \Delta \ln DdSPI_{t-j} + \sum_{j=1}^n b_j \Delta \ln RD_{t-j} + \sum_{j=1}^n c_j \Delta i_{t-j} + \\ & \sum_{j=1}^n d_j \Delta Y_{t-j} + \sum_{j=1}^n e_j \Delta SRR_{t-j} + \sum_{j=1}^n f_j \Delta SPDK_{t-j} + \\ & \delta_1 \ln DdSPI_{t-1} + \delta_2 \ln RD_{t-1} + \delta_3 \ln i_{t-1} + \delta_4 \ln Y_{t-1} + \delta_5 \ln SRR_{t-1} + \\ & \delta_6 \ln SPDK_{t-1} + \varepsilon_t \end{aligned} \quad (5)$$

$$\begin{aligned} \Delta \ln DdKON_t = & a_0 + \sum_{j=1}^n a_j \Delta \ln DdKON_{t-j} + \sum_{j=1}^n b_j \Delta \ln r_{t-j} + \sum_{j=1}^n c_j \Delta i_{t-j} + \\ & \sum_{j=1}^n d_j \Delta \ln Y_{t-j} + \sum_{j=1}^n e_j \Delta \ln SRR_{t-j} + \sum_{j=1}^n f_j \Delta \ln SPDK_{t-j} + \\ & \delta_1 \ln DdSPI_{t-1} + \delta_2 \ln r_{t-1} + \delta_3 \ln i_{t-1} + \delta_4 \ln Y_{t-1} + \delta_5 \ln SRR_{t-1} + \\ & \delta_6 \ln SPDK_{t-1} + \varepsilon_t \end{aligned} \quad (6)$$

Di mana, dalam persamaan di atas, $H_0 = \delta_1 = \delta_2 = \delta_3 = \delta_4 = \delta_5 = \delta_6 = 0$ melawan $H_0 \neq \delta_1 \neq \delta_2 \neq \delta_3 \neq \delta_4 \neq \delta_5 \neq \delta_6 \neq 0$ dengan menggunakan 'f-test', nilai 'f-test' yang diperolehi akan dibandingkan dengan nilai genting dalam Pesaran dan Pesaran (1997) dan Pesaran et.al (2001).

3.7 RUMUSAN

Tujuan metodologi ini digunakan adalah untuk membantu kajian menjawab persoalan-persoalan yang telah digariskan dalam bab 1. Kaedah analisis yang digunakan dalam kajian, matlamat objektif kajian akan berjaya dan diyakini dapat mengelakkan bias dan ralat.

BAB EMPAT

HASIL KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Bagi mencapai objektif kajian, spesifikasi model kajian amat penting bagi menyokong segala permasalahan kajian yang dikemukakan dalam kajian ini. Pada dasarnya kajian ini dibuat menggunakan data sekunder dari tahun 1990 hingga 2007. Antara pembolehubah-pembolehubah yang digunakan ialah permintaan deposit, kadar pulangan serta kadar faedah yang ditawarkan di kedua-dua perbankan Islam dan perbankan konvensional disamping pembolehubah pendapatan dan kadar bunga aset alternatif. Kesemua data kajian diperolehi dari pangkalan data Bank Negara Malaysia, meliputi data-data dari laporan tahunan Bank Negara Malaysia, laporan perangkaan sukuan Bank Negara Malaysia dan laporan tahunan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Sehingga kini tidak banyak kajian empirikal dikaji mengenai hubungan antara permintaan deposit dan kadar pulangan dalam sistem perbankan Islam. Beberapa kajian terhadap komponen permintaan wang yang dijalankan Zulkefly (2004) dan Carpenter (2002), sebelum ini membuktikan bahawa kadar bunga bil perbendaharaan tiga bulan dan kadar bunga benar deposit tetap tiga bulan signifikan mempengaruhi permintaan mata wang di edaran, sebaliknya, tidak signifikan mempengaruhi permintaan deposit semasa dan deposit bermasa. Seperti kajian lepas, dapatan kajian menjangkakan akan wujud hubungan positif antara kadar pulangan dengan permintaan deposit dalam sistem

perbankan Islam dan tidak berlaku perubahan ke atas permintaan deposit selepas tahun 1995.

4.2 ANALISIS DESKRIPTIF

Analisis deskriptif merupakan satu kaedah yang digunakan untuk membandingkan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan gambaran secara menyeluruh tentang sesuatu kajian yang dijalankan supaya data yang telah diperolehi dapat digambarkan dengan lebih jelas.

Jadual 4.1 menunjukkan analisis deskriptif bagi pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini. Pembolehubah bersandar bagi persamaan pertama iaitu permintaan deposit bagi SPI menunjukkan min pada RM13982, mediannya ialah sebanyak RM5601, titik maksimum dan minimum pada RM55362.7 dan RM325.2. Manakala bagi pembolehubah bersandar bagi persamaan kedua iaitu permintaan deposit perbankan konvensional menunjukkan minnya pada RM260603.5 manakala median bagi permintaan deposit perbankan konvensional adalah RM192340, titik maksimum dan minimum pada RM1931451 dan RM33806.1.

Pembolehubah bebas pertama adalah pendapatan. Min bagi pendapatan negara adalah sebanyak RM603507.8 dan mediannya adalah RM292411.0, manakala titik maksimum dan minimum pada RM 115701.0 dan RM1,288,780. Pembolehubah bebas yang kedua ialah kadar aset pengganti iaitu kadar bil perbendaharaan tiga-bulan. Min bagi pembolehubah bebas ini ialah sebanyak 4.5% manakala median bagi kadar bunga bil perbendaharaan ialah 3.54%, manakala titik maksimum dan minimum pada 7.69% dan 2.4%. Pembolehubah yang seterusnya adalah kadar faedah yang ditawarkan oleh perbankan konvensional. Min bagi pembolehubah ini adalah 5.534% dan median adalah 4.99%, manakala titik maksimum dan minimum pada 9.33% dan 3.7%.

Jadual 4.1 : Analisis Deskriptif

	Deposit permintaan SPI (DEPS)	Deposit Permintaan Perbankan Konvensional (DEPK)	Pendapatan (GDP)	Kadar Bunga Bil Perbendaharaan Tiga Bulan (i)	Kadar faedah (R)	Kadar pulangan (RD)	Nisbah pulangan rizab (SRR)
Min	13982.86	260603.5	603507.8	4.508	5.534	4.733	8.222
Median	5601.25	192340.0	292411.0	3.547	4.990	4.130	7.000
Maksimum	55362.7	1931451	5737396	7.658	9.330	7.440	13.000
Minimum	325.2	33806.1	115701.0	2.400	3.700	3.240	6.500
Sisihan Piawai	16241.9	426939.9	1288780	1.915	1.894	1.403	2.094
Skewness	1.03	3.585	3.805	0.337	0.487	0.685	1.435
Kurtosis	3.23	14.63	15.69	1.42	1.848	2.144	3.645
Jarque-Bera	3.23	140.017	164.2284	2.19	1.706	1.958	6.494
Kebarangkalian	0.198	0.00	0.00	0.33	0.42	0.375	0.038
Cerapan	18	18	18	18	18	18	18

Pembolehubah yang seterusnya adalah kadar pulangan dalam sistem perbankan Islam. Min untuk pembolehubah ini adalah 4.733% manakala median adalah sebanyak 4.13%, manakala titik maksimum dan minimum pada 7.440% dan 3.24%. Pembolehubah yang terakhir dalam kajian ini adalah nisbah keperluan rizab (SRR) yang mencatatkan min dan median masing-masing pada 8.22% dan 7.0%.

Berdasarkan kepada nilai skewness, semua pembolehubah yang terlibat iaitu DEPS, DEPK, GDP, i , R dan R_d bernilai positif iaitu pencong memanjang ke kanan. Disamping itu, bagi pembolehubah DEPS dan SRR mempunyai taburan yang agak normal kerana mempunyai nilai kurtosis menghampiri tiga, manakala pembolehubah DEPK dan GDP mempunyai puncak secara relatif kepada normal berdasarkan nilai kurtosis lebih besar daripada tiga dan pembolehubah R , R_d dan i menunjukkan taburan mendatar berdasarkan nilai kurtosis kurang daripada tiga.

Nilai Jarque-bera menunjukkan pembolehubah DEPS, i , R dan R_d tidak signifikan iaitu gagal menolak H_0 yang bermaksud pembolehubah-pembolehubah tersebut bertaburan normal. Sebaliknya pembolehubah DEPK, GDP dan SRR signifikan iaitu tidak gagal menolak H_0 .

4.3 KEPUTUSAN REGRASI

Kajian ini menggunakan kaedah ARDL yang dibangunkan oleh Pesaran et al. (1996, 2001). Teknik ini mempunyai beberapa kelebihan dalam menghasilkan penganggaran koefisien jangka panjang yang konsisten. Ia juga bebas daripada korelasi residual, dan berupaya membezakan di antara pembolehubah bersandar dan bebas.

4.3.1 UJIAN KOINTEGRASI (OLS)

Jadual 4.2 menunjukkan keputusan bagi ujian korelasi bersiri (serial correlation), Ramsey, normality dan heterokedastisiti. menunjukkan tidak wujud masalah berkaitan bagi sistem perbankan Islam pada aras keertian 10 peratus. Manakala, bagi perbankan konvensional, didapati bahawa wujud masalah '*functional form*' pada aras keertian 1 peratus.

Jadual 4.2 : Ujian Diagnostik

	Sistem Perbankan Islam	Perbankan Konvensional
Korelasi bersiri	0.62370 (0.430)	1.2498 (0.264)
Ujian Ramsey	0.46023 (0.498)	9.0128 (0.003)*
Normal	0.31305 (0.855)	0.64466 (0.968)
Heterokedastisiti	2.2130 (0.137)	0.35854 (0.549)



Nota : * signifikan pada aras keertian 1 peratus .

Sebagaimana yang diterangkan oleh Bahmani-Oskooee (2001), masalah ketidakstabilan boleh wujud daripada model jangka panjang. Bagi untuk mengenalpasti sama ada wujud ketidakstabilan dalam hubungan jangka panjang kajian ini mengaplikasikan model CUSUM dan CUSUMSQ (Cusum gandaan) yang diperkenalkan oleh Brown, Dublin, and Evans (1975).

Rajah 4.1 memaparkan rajah Cusum dan Cusum gandaan (CusumSQ) bagi pembolehubah permintaan deposit bagi sistem perbankan Islam dan perbankan

konvensional. Bagi ujian Cusum daripada rajah yang diperolehi menunjukkan tidak wujud sebarang pintasan dalam rajah tersebut, ini menunjukkan bahawa data yang digunakan adalah stabil, tetapi apabila Cusum gandaan digunakan, didapati bagi perbankan konvensional terdapat pintasan pada rajah tersebut bermaksud pembolehubah bebas dipengaruhi oleh pembolehubah bersandar.

Rajah 4.1 Ujian Cusum dan Cusum Gandaan bagi Sistem Perbankan Islam Dan Perbankan Konvensional



Oleh kerana ujian ini menggunakan data siri tahunan, kajian ini memilih maksimum lag iaitu satu dan menggunakan 'Akaike Information Criterion' untuk menentukan lag yang sesuai. Nilai f-statistik dilaporkan dalam Jadual 4.3.

Jadual 4. 3 : F-statistik ujian Kointegrasi

		1%		5%		10%	
	Nilai F	I(0)	I(1)	I(0)	I(1)	I(0)	I(1)
Sistem Perbankan Islam	0.86034						
Perbankan Konvensional	6.2089	3.516	4.781	3.056	4.267	3.516	4.781

Merujuk Jadual 4.3 didapati hasil F-statistik bagi sistem perbankan Islam (0.8603) menunjukkan bahawa tidak wujud kointegrasi antara pembolehubah bebas dan pembolehubah tidak bersandar. Berbanding nilai F-statistik bagi persamaan perbankan konvensional, (6.2089) berada di atas nilai bound yang menerangkan bahawa wujud hubungan jangka panjang antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar pada aras keertian 1 peratus.

4.3.2 PENDEKATAN ARDL UNTUK UJIAN KOINTEGRASI

Pendekatan ARDL digunakan kerana teknik ini mempunyai beberapa kelebihan dalam menghasilkan penganggaran koefisien jangka panjang yang konsisten. Kaedah ini dapat mengabaikan pengelasan pembolehubah sama ada $I(1)$ tau $I(0)$ dan tidak perlu menjalani ujian pra-punca unit (*unit root pre-testing*) seperti ujian kointegrasi yang lain. Selain itu, dapat menentukan hubungan yang koefisien dengan jumlah cerapan yang kecil, (Ghatak dan Siddiki, 2001). Akhir sekali, kaedah ARDL dapat mengatasi masalah yang timbul daripada data siri masa yang tidak pegun (Laurenceson dan Chai, 2003).

Hasil kajian yang diperolehi signifikan menunjukkan wujud hubungan jangka panjang antara pembolehubah bersandar dengan kadar pulangan dan kadar faedah yang ditawarkan. Jadual 4.4 menunjukkan bahawa jumlah permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam signifikan dipengaruhi oleh kadar pulangan dan kadar faedah pada aras keertian peratus. Manakala jumlah permintaan deposit dalam perbankan konvensional signifikan dipengaruhi oleh kadar faedah pada aras keertian 5 peratus manakala kadar pulangan signifikan mempengaruhi permintaan deposit pada aras keertian 1 peratus.

Jadual 4.4 : Ujian ARDL

	Sistem Perbankan Islam	Perbankan Konvensional
	Nilai-T	Nilai T
Pintasan	5.059 (0.002)*	4.0323 (0.010)**
SRR	1.2169 (0.269)	-0.2127 (0.840)
R	-2.4380 (0.051)***	3.319 (0.016)**
RD	2.0481 (0.096)*	2.4754 (0.056)***
I	-0.3555 (0.734)	-0.9865 (0.369)
GDP	1.5629 (0.169)	0.9196 (0.400)
SPDK	6.0953 (0.001)*	0.2416 (0.819)

Nota : * merupakan signifikan pada aras keertian 1 peratus, ** signifikan pada aras 5 peratus dan *** signifikan pada aras 10 peratus..

$$D_{\Delta}SPI = 8.7894 - 2.7199R_{\Delta} - 0.8879RD_{\Delta} + 0.7807SRR_{\Delta} - 0.2766i_{\Delta} + 0.2296GDP_{\Delta} + 1.581SPDK_{\Delta} \quad (1)$$

$$\text{Adjusted } R^2 = 0.997 \quad R^2 = 0.992 \quad S.E = 0.1517$$

Hasil keputusan menunjukkan bahawa permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam mempunyai hubungan negatif dengan kadar faedah (R), kadar bunga bil perbendaharaan tiga bulan (i) dan kadar pulangan (RD), manakala mempunyai hubungan positif dengan pendapatan (GDP), nisbah pulangan rezab (SRR) dan perubahan strategi pertengahan dasar kewangan ($SPDK$). Nilai pekali penentu regresi iaitu ($R^2 = 0.997$) menerangkan bahawa sebanyak 99 peratus daripada perubahan yang berlaku dalam pembolehubah bersandar dapat diterangkan oleh semua pembolehubah bebas. Daripada hasil keputusan, didapati bahawa hanya pembolehubah kadar faedah, kadar pulangan dan perubahan strategi pertengahan dasar kewangan adalah signifikan terhadap perubahan permintaan deposit perbankan Islam. Keputusan kajian menunjukkan bahawa pengurangan satu peratus dalam kadar pulangan dan kadar faedah yang ditawarkan akan menyebabkan deposit perbankan Islam meningkat sebanyak RM0.88 juta dan RM2.7 juta.

$$D_{\text{KON}} = 10.7740 - 3.5067R_t + 4.5682RD_t - 0.1672SRR_t - 0.6523i_t + 0.1018GDP_t + 0.0902SPDK_t \quad (2)$$

$$\text{Adjusted } R^2 = 0.948 \quad R^2 = 0.846 \quad \text{S.E} = 0.327$$

Hasil keputusan menunjukkan bahawa permintaan deposit perbankan konvensional mempunyai hubungan positif dengan RD , GDP dan $SPDK$, manakala mempunyai hubungan negatif dengan R , I dan SRR . Nilai pekali penentu regresi iaitu ($R^2 = 0.95$) menerangkan bahawa sebanyak 95 peratus daripada perubahan yang berlaku dalam pembolehubah bersandar dapat diterangkan oleh semua pembolehubah bebas. Daripada hasil keputusan, didapati bahawa pembolehubah kadar pulangan dan kadar faedah signifikan terhadap perubahan permintaan deposit perbankan konvensional. Hasil kajian menjelaskan bahawa pengurangan dalam penawaran kadar faedah akan menyebabkan permintaan deposit dalam perbankan konvensional bertambah sebanyak RM3.5 juta sebaliknya, pengurangan satu peratus dalam kadar pulangan akan

menyebabkan permintaan deposit dalam perbankan konvensional berkurang sebanyak RM4.5 juta.

Daripada hasil kajian juga menunjukkan bahawa perubahan strategi pertengahan dasar kewangan yang dilaksanakan oleh BNM signifikan menyebabkan berlaku perubahan ke atas jumlah permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam pada aras keertian satu peratus tetapi tidak signifikan menyebabkan perubahan ke atas jumlah permintaan deposit dalam perbankan konvensional.

Disamping itu, hasil kajian mendapati bahawa kadar pulangan yang ditawarkan sistem perbankan Islam memberi impak kepada permintaan deposit dalam perbankan konvensional. Permintaan deposit dalam perbankan konvensional didapati mempunyai hubungan negatif dengan kadar faedah tetapi berhubungan secara positif dengan kadar pulangan yang ditawarkan sistem perbankan Islam. Hal ini menerangkan bahawa pengurangan dalam kadar pulangan yang ditawarkan oleh sistem perbankan Islam akan menyebabkan berlaku pengurangan dalam permintaan deposit dalam perbankan konvensional.

4.3.3 UJIAN ERROR CORRECTION MODEL (ECM)

Memandangkan ujian kointegrasi hanya melaporkan hubungan jangka masa panjang, maka sebagai jalan alternatif, model ECM telah digunakan dalam kajian ini untuk memperoleh keputusan penganggaran yang mengambil kira hubungan jangka masa pendek dan jangka masa panjang secara menyeluruh. Secara umumnya, penggunaan model ECM mempunyai kekuatan yang tersendiri kerana ia mampu mengetengahkan hubungan jangka masa panjang dan pendek secara langsung serta menyediakan nilai pelarasan menggunakan sebutan ralat model kajian.

Keputusan ujian ECM diterangkan dalam Jadual 4.5. Keputusan kajian mendapati bahawa jumlah permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam signifikan mempunyai

hubungan jangka pendek dengan kadar faedah pada aras keertian 5 peratus dan signifikan pada aras keertian 10 peratus dengan perubahan strategi pertengahan dasar kewangan. Manakala, dalam perbankan konvensional, jumlah permintaan deposit signifikan mempunyai hubungan jangka pendek dengan kadar bunga bil perbendaharaan tiga bulan pada aras keertian 5 peratus.

Jadual 4.5 : ECM untuk SPI dan Perbankan Konvensional.

Pembolehubah	Sistem Perbankan Islam		Perbankan Konvensional	
	S.E	Nilai-T	S.E	Nilai T
Pintasan	1.7372	5.0594 (0.001)*	6.1532	2.6365 (0.030)**
SRR	0.7807	1.2169 (0.258)	1.2071	-0.20866 (0.840)
R	1.1157	-2.4380 (0.041)**	1.5050	-1.2613 (0.579)
RD	0.66876	-1.3278 (0.221)	3.1024	-0.57868 (0.579)
I	0.69546	1.1759 (0.273)	1.2013	2.3477 (0.047)**
GDP	0.10215	-0.2008 (0.846)	0.15820	0.9685 (0.361)
SPDK	0.28266	2.0996 (0.069)***	0.55234	0.2459 (0.812)
ECM	0.00	*NONE*	0.25806	-5.8349 (0.000)*

Nota : * signifikan pada aras keertian 1% , ** signifikan pada aras keertian 5 peratus dan *** signifikan pada aras keertian 10 peratus.

4.4 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa kadar pulangan dan kadar faedah signifikan mempengaruhi pertumbuhan permintaan deposit dalam kedua-dua sistem perbankan Islam dan konvensional. Pengurangan kadar faedah yang ditawarkan akan menyebabkan permintaan deposit dalam kedua-dua sistem perbankan meningkat, sebaliknya pengurangan dalam kadar pulangan akan menyebabkan berlaku peningkatan hanya permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam tetapi menyebabkan jumlah permintaan deposit dalam perbankan konvensional turut berkurangan. Selain itu hasil kajian juga menerangkan bahawa perubahan pada strategi pertengahan dasar kewangan menyebabkan berlakunya perubahan pada permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam tetapi tidak pada perbankan konvensional.

Hasil kajian membuktikan bahawa pengaruh kadar pulangan deposit adalah sangat penting dalam mempengaruhi kelakuan unit-unit ekonomi meminta deposit dalam sistem perbankan Islam. Hal ini menjelaskan bahawa wujud persaingan antara sistem kewangan lain bagi mendapatkan deposit daripada pelanggan. Tambahan lagi, persaingan dengan bank-bank konvensional dan aset-aset kewangan lain yang juga boleh memberikan pulangan, maka sistem perbankan Islam perlulah menawarkan kadar pulangan yang kompetitif di samping menyediakan perkhidmatan yang lebih berkualiti. Di samping menawarkan kadar pulangan deposit yang kompetitif, sistem perbankan Islam juga perlu mengambil kira perkara-perkara lain yang juga penting mempengaruhi kelakuan orang ramai menyimpan wang seperti menawarkan perkhidmatan yang berkualiti, mempelbagaikan struktur deposit, menggunakan perbankan elektronik, perbankan internet dan melahirkan tenaga kerja yang berkualiti.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan rumusan secara menyeluruh terhadap kajian yang telah dijalankan dalam mengkaji hubungan antara permintaan deposit dengan kadar pulangan dalam kedua-dua sistem perbankan Islam dan konvensional. Selain itu perbincangan turut menjelaskan hubungan yang wujud antara permintaan deposit di Malaysia dengan pembolehubah lain seperti kadar faedah, nisbah pulangan rezab, kadar bunga bil perbendaharaan tiga bulan dan pendapatan negara .

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, bab ini turut mengemukakan cadangan terhadap kajian akan datang untuk mengelakkan masalah yang mungkin wujud semasa menjalankan analisis data siri masa disamping cadangan-cadangan lain untuk menghasilkan kajian yang lebih baik.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Secara umumnya, objektif utama kajian ini dijalankan untuk mengkaji secara empirikal pengaruh kadar pulangan ke atas permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam. Secara lebih khusus lagi kajian ini juga menganalisis hubungan antara kadar pulangan dengan permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menguji sama ada wujud perubahan pada permintaan deposit di Malaysia

selepas BNM membuat perubahan pada strategi pertengahan dasar kewangan pada tahun 1995. Selain itu, kajian ini juga akan membandingkan impak kadar faedah dan kadar pulangan ke atas sistem perbankan Islam dan perbankan konvensional.

Lebih terperinci, objektif khusus kajian dapat diuraikan seperti berikut:

- a) Menganalisa hubungan antara kadar pulangan deposit dengan permintaan deposit di SPI.

Hasil kajian mendapati bahawa wujud hubungan yang negatif antara permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam, hal ini menerangkan bahawa pengurangan dalam kadar pulangan yang ditawarkan akan menyebabkan jumlah permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam akan bertambah.

- b) Mengkaji perubahan ke atas permintaan deposit di SPI dan bank konvensional selepas perubahan strategi dasar kewangan pada tahun 1995.

Hasil kajian menjelaskan bahawa berlaku perubahan ke atas struktur permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam selepas berlakunya BNM mengubah strategi pertengahan dasar kewangan pada tahun 1995. Sebaliknya, struktur permintaan deposit dalam perbankan konvensional tidak berlaku perubahan.

- c) Membandingkan impak kadar faedah dan kadar pulangan ke atas permintaan deposit bank konvensional dan perbankan Islam.

Hasil kajian menerangkan bahawa jumlah permintaan deposit dalam perbankan Islam dan perbankan konvensional signifikan dipengaruhi oleh kedua-dua kadar pulangan dan kadar faedah. Hal ini menerangkan bahawa sebarang peningkatan atau pengurangan dalam kadar pulangan dan kadar faedah akan memberi kesan ke atas jumlah permintaan deposit di kedua-dua sistem perbankan. Berdasarkan hasil kajian, permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam signifikan dipengaruhi dan berhubungan secara negatif dengan kadar faedah yang ditawarkan perbankan konvensional. Sebaliknya, permintaan deposit dalam perbankan konvensional

signifikan dipengaruhi dan berhubungan secara positif kadar pulangan yang ditawarkan perbankan Islam.

Secara ringkasnya, hasil kajian menjawab objektif umum kajian iaitu untuk mengkaji secara empirikal pengaruh kadar pulangan ke atas kadar permintaan deposit di sistem perbankan Islam di Malaysia. Hasil kajian mendapati kadar permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam signifikan dipengaruhi oleh kadar pulangan yang ditawarkan. Hasil keputusan menunjukkan bahawa permintaan deposit dalam sistem perbankan Islam mempunyai hubungan positif dengan kadar pulangan dan nisbah pulangan rizab (SRR) manakala mempunyai hubungan negatif dengan pendapatan, kadar bunga bil perbendaharaan tiga bulan dan kadar faedah. Selain itu, kajian turut membuktikan bahawa kedua-dua kadar pulangan dan kadar faedah signifikan mempengaruhi permintaan deposit di Malaysia.

Justeru itu, timbul persaingan antara kedua-dua sistem perbankan untuk menarik deposit daripada pelanggan dengan memberikan kadar faedah dan kadar pulangan yang lebih kompetitif. Persaingan mendapatkan deposit menjadi lebih sengit dalam negara yang mengamalkan dwi-sistem perbankan di mana kedua-dua sistem perbankan akan sentiasa bersaing untuk menarik pelanggan.

Selain faktor kadar pulangan yang ditawarkan, jumlah permintaan deposit signifikan dipengaruhi oleh pendapatan dalam jangka masa panjang. Tetapi, dalam jangka masa pendek, hasil kajian menunjukkan bahawa hanya kadar bunga aset pengganti signifikan mempengaruhi jumlah permintaan deposit.

5.3 IMPLIKASI

Sistem perbankan Islam bermaksud satu rangka kerja institusi perbankan dan kewangan yang prinsip perjalanannya dan amalannya berdasarkan kepada Syariah untuk merealisasikan keadilan dalam pengagihan kekayaan dan pendapatan. Secara khususnya,

ia dilihat sebagai suatu sistem perbankan yang prinsip perjalanannya dan amalannya berlandaskan hukum Islam atau di dalam bahasa Arab disebut sebagai Syariah. Ini berarti segala operasi yang terdapat di dalam bank samaada penyimpanan wang mahupun urusan pinjaman dilakukan berlandaskan hukum Syariah. Penggunaan prinsip ini juga meliputi transaksi bank yang lain seperti urusan kiriman wang, surat jaminan, surat kredit, tukaran wang asing dan sebagainya. Sistem perbankan Islam ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan perbankan yang tidak bertentangan dengan syariah Islam. Secara umumnya, perbezaan antara Bank Islam dan Bank Konvensional adalah keterlibatan dengan 'riba'.

Penggantian sistem urusan bank dan kewangan konvensional yang berasaskan kepada riba kepada sistem berasaskan perkongsian untung rugi bukan sahaja menggantikannya daripada sudut teknikal tetapi ia juga menggunakan mekanisme pembiayaan yang sesuai dengan keperluan Syariah dan masyarakat Islam. Ini kerana penubuhan bank konvensional hanyalah semata-mata untuk memaksimumkan keuntungan manakala objektif dan matlamat penubuhan perbankan Islam berdasarkan dua faktor utama iaitu faktor agama dan faktor keuntungan. Oleh itu, sistem perbankan Islam yang komprehensif bukan sahaja menumpukan kepada aspek larangan riba tetapi ia juga perlu meliputi aspek perundangan, prosedur dan instrumen yang akan menjadi asas untuk mencapai keadilan dan kesaksamaan.

Namun begitu, menurut laporan akhbar Utusan bertarikh 7 April 2009, majoriti institusi perbankan Islam global tidak memahami konsep perbankan Islam yang sebenar sekaligus menimbulkan pelbagai keraguan kepada pelanggannya. Salah satu faktor yang menyumbang keraguan itu adalah sistem perbankan yang digunakan adalah ditiru dari sistem konvensional. Dengan kata lain, sistem perbankan Islam akan menjadi satu sistem yang lengkap hanya apabila ia memiliki undang-undang Syariahnya yang tersendiri meliputi seluruh perkara dalam sistem perbankan seperti kecekapan pelaksanaan rejim perundangan, kawal selia dan penyeliaan, termasuk mengadakan rangka kerja pengurusan dan pencegahan krisis serta panduan komprehensif terhadap piawaian portfolio kredit.

Selain itu, sistem perbankan Islam dilihat sebagai salah satu penyelesaian terbaik untuk memulihkan sistem kewangan sedia ada ketika berdepan dengan krisis ekonomi global hari ini. Sistem perbankan Islam umpamanya menawarkan kaedah yang dilihat jauh lebih baik berbanding dengan sistem perbankan konvensional. Pendekatan perkongsian bersama pelanggan yang diamalkan dalam sistem perbankan Islam lebih menjamin pelaburan yang selamat dan inovatif di samping menjamin keuntungan lebih tinggi kepada pelabur. Diharapkan dengan krisis yang sedang hebat melanda ekonomi dunia akan membuka jalan kepada sistem kewangan Islam yang lebih universal, ekonomik serta adil berkembang pesat. Landskap kewangan Islam moden hari ini ternyata memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi negara, *survival* umat Islam dan masyarakat dunia seluruhnya. (M. Kabir Hassan ,2009).

5.4 CADANGAN

Berdasarkan hasil kajian, dikemukakan cadangan seperti berikut untuk memperbaiki kajian lanjutan yang mungkin dijalankan pada masa hadapan.

- i. Menggunakan pembolehubah-pembolehubah yang mempunyai hubungan rapat supaya penerangan yang diberi disokong kuat oleh teori. Misalnya menggunakan lebih banyak bentuk deposit yang ditawarkan oleh perbankan di Malaysia seperti deposit tetap tiga bulan, enam bulan dan deposit pelaburan.
- ii. Menggunakan skop data siri masa yang lebih panjang supaya data lat masa dapat memberi maklumat yang lebih banyak terhadap pembolehubah bersandar yang dianalisis. Pengkaji mendapati analisis tidak dapat dijalankan dengan menggunakan lat masa yang lebih tinggi kerana data yang digunakan tidak cukup banyak untuk menghasilkan keputusan yang diinginkan.

5.5 KESIMPULAN

Setelah menjalankan kajian ini, didapati bahawa pembolehubah kadar pulangan dan kadar faedah merupakan faktor penting dalam menentukan pertumbuhan permintaan deposit dalam perbankan Islam di Malaysia. Oleh itu, sistem perbankan Islam terpaksa bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan pelanggan bukan sahaja dikalangan sistem perbankan Islam itu sendiri bahkan persaingan dengan perbankan konvensional yang juga memberi persaingan yang kompetitif. Bagi memberikan yang terbaik, sistem perbankan Islam bukan sahaja perlu menitikberatkan kadar pulangan malahan perlu menyediakan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan dinamik yang dapat mempengaruhi pengguna meminta deposit seperti menggunakan perbankan internet dan menyediakan kakitangan yang mesra dan cekap.

Walaupun, kajian ini boleh dikembangkan dengan menambah pembolehubah-pembolehubah yang lebih berkait rapat dengan permintaan deposit seperti kadar inflasi, perubahan kekayaan disamping mengambilkira kelakuan pengguna.

RUJUKAN

- Ahmad, K. dan Mansor M.I (2002). "Causal Relationship Between Islamic and Conventional Banking Instruments in Malaysia". *International Journal Of Islamic Finance Services*, Vol 4. No.4.
- Ahmad, K(1999). "Modelling Monetary Stability Under Dual Banking System: The Case Of Malaysia". *International Journal Of Islamic Financial Services* Vol 2. No.1
- Bank Negara Malaysia, "Laporan Tahunan (pelbagai tahun)", Bank Negara Malaysia,Kuala Lumpur.
- Najib, W.D, (2009, April). "Perbankan Islam Masih Goyah", *Utusan Malaysia Online*
<http://www.utusan.com.my/utusan>
- Saad A. Metawa dan Mohammed Almosawi (1998), 'Banking Behavior of Islamic Bank Customers: Perspective and Implications. *International Journal Of Banking Marketing* 16/7
- Shafinaz,S.M, (2003, Julai), "Kelebihan Sistem Perbankan Islam", *Utusan Malaysia Online* <http://www.utusan.com.my/utusan>.
- Siti Rahyla Rahmat, (2006), "Analisis Pulangan Pelaburan Sistem Perbankan Islam berbanding sistem Perbankan konvensional: Kajian Kes di BIMB dan Maybank. Laporan Projek FPE, Ijazah Sarjana Muda Ekonomi-Sumber Alam, University Malaysia Terengganu.
- Sudin, H. (2005). "Sistem Kewangan Dan Perbankan Islam", Kuala Lumpur.
- Sudin, H. Dan Norafifah A.(2000) "The Effects of Conventional Interest Rates and Rate of Profit on Funds Deposited With Islamic Banking System in Malaysia", *International Journal of Islamic Financial Services* Vol 1. No 4.

Surtahman, K.H, dan Sanep,A. (2005), "Ekonomi Islam: Dasar Dan Amalan (edisi kedua)", Kuala Lumpur.

Zaharuddin A.R (2007), "Riba & Bentuknya Dalam Konteks Semasa Di Bank Konvensional". [http:// www.zaharuddin.net](http://www.zaharuddin.net).

Zulkefly, A.K, Aminuddin M. dan Azlan S.Z (2004) "Hubungan Antara Kadar Pulangan Nominal Dengan Permintaan Deposit Dalam Perbankan Islam di Malaysia". *Jurnal Ekonomi Malaysia* 38 (2004) 3-27.

Keputusan Kajian Sistem Perbankan Islam (Persamaan Pertama)

Ordinary Least Squares Estimation

```

*****
Dependent variable is DDEPS
16 observations used for estimation from 1992 to 2007
*****
Regressor          Coefficient          Standard Error          T-Ratio[Prob]
C                  -.74201              1.0972                 -.67630[.547]
DDEPS(-1)         .10835              .49624                 .21834[.841]
DSRR              1.8299             3.4388                 .53213[.632]
DSRR(-1)         1.4636             3.3384                 .43840[.691]
DR               -3.3004            3.6431                 -.90593[.432]
DR(-1)          -1.4644            2.7459                 -.53330[.631]
DRD             1.6753            4.0054                 .41826[.704]
DRD(-1)         3.8840            3.3852                 1.1474[.334]
DI              -.23556            2.9337                 -.080292[.941]
DI(-1)         -3.4590            3.1223                 -1.1078[.349]
DGDP           -.088911           .24473                 -.36330[.740]
DGDP(-1)       .30327            .60110                 .50453[.649]
SPDK           .89259            1.0422                 .85646[.455]
*****
R-Squared          .77484             R-Bar-Squared          -.12579
S.E. of Regression .43323             F-stat.   F( 12,  3)    .86034[.636]
Mean of Dependent Variable .28184             S.D. of Dependent Variable .40831
Residual Sum of Squares .56306             Equation Log-likelihood  4.0726
Akaike Info. Criterion -8.9274             Schwarz Bayesian Criterion -13.9492
DW-statistic      2.2246             Durbin's h-statistic   *NONE*
*****

```

Diagnostic Tests

```

*****
*   Test Statistics   *           LM Version           *           F Version           *
*****
*   A:Serial Correlation*CHSQ( 1)=  2.0746[.150]*F( 1,  2)=  .29796[.640]*
*   B:Functional Form  *CHSQ( 1)=  *NONE*           *F( 1,  2)=  *NONE*           *
*   C:Normality       *CHSQ( 2)=  *NONE*           *           Not applicable           *
*   D:Heteroscedasticity*CHSQ( 1)=  .82453[.364]*F( 1, 14)=  .76066[.398]*
*****

```

A:Lagrange multiplier test of residual serial correlation

B:Ramsey's RESET test using the square of the fitted values

C:Based on a test of skewness and kurtosis of residuals

D:Based on the regression of squared residuals on squared fitted values

Autoregressive Distributed Lag Estimates

ARDL(0,0,0,0,1,1,1) selected based on Akaike Information Criterion

Dependent variable is DEPS

16 observations used for estimation from 1992 to 2007

Regressor	Coefficient	Standard Error	T-Ratio[Prob]
SRR	.95003	.78072	1.2169[.269]
R	-2.7199	1.1157	-2.4380[.051]
RD	-.88796	.66876	-1.3278[.233]
I	.81782	.69546	1.1759[.284]
I(-1)	-1.0944	.19472	-5.6206[.001]
GDP	-.015656	.077961	-.20082[.847]
GDP(-1)	.24527	.10324	2.3758[.055]
SPDK	.59349	.28266	2.0996[.081]
SPDK(-1)	.98790	.35856	2.7552[.033]
C	8.7894	1.7372	5.0594[.002]

R-Squared	.99696	R-Bar-Squared	.99240
S.E. of Regression	.15179	F-stat. F(9, 6)	218.5205[.000]
Mean of Dependent Variable	8.6817	S.D. of Dependent Variable	1.7407
Residual Sum of Squares	.13824	Equation Log-likelihood	15.3081
Akaike Info. Criterion	5.3081	Schwarz Bayesian Criterion	1.4451
DW-statistic	2.3331		

Diagnostic Tests

Test Statistics	LM Version	F Version
* A:Serial Correlation*CHSQ(1)= .62370[.430]*F(1, 5)= .20281[.671]*		
* B:Functional Form *CHSQ(1)= .46023[.498]*F(1, 5)= .14808[.716]*		
* C:Normality *CHSQ(2)= .31305[.855]*		Not applicable
* D:Heteroscedasticity*CHSQ(1)= 2.2130[.137]*F(1, 14)= 2.2472[.156]*		


A:Lagrange multiplier test of residual serial correlation

B:Ramsey's RESET test using the square of the fitted values


C:Based on a test of skewness and kurtosis of residuals

D:Based on the regression of squared residuals on squared fitted values

Plot of Cumulative Sum of Recursive Residuals



Plot of Cumulative Sum of Squares of Recursive Residuals



ARDL(0,0,0,0,1,1,1) selected based on Akaike Information Criterion

Dependent variable is DEPS
16 observations used for estimation from 1992 to 2007

Regressor	Coefficient	Standard Error	T-Ratio[Prob]
SRR	.95003	.78072	1.2169[.269]
R	-2.7199	1.1157	-2.4380[.051]
RD	-.88796	.66876	-1.3278[.233]
I	-.27661	.77815	-.35547[.734]
GDP	.22962	.14691	1.5629[.169]
SPDK	1.5814	.25945	6.0953[.001]
C	8.7894	1.7372	5.0594[.002]

Error Correction Representation for the Selected ARDL Model

ARDL(0,0,0,0,1,1,1) selected based on Akaike Information Criterion

Dependent variable is dDEPS
16 observations used for estimation from 1992 to 2007

Regressor	Coefficient	Standard Error	T-Ratio[Prob]
dSRR	.95003	.78072	1.2169[.258]
dR	-2.7199	1.1157	-2.4380[.041]
dRD	-.88796	.66876	-1.3278[.221]
dI	.81782	.69546	1.1759[.273]
dGDP	-.015656	.077961	-.20082[.846]
dSPDK	.59349	.28266	2.0996[.069]
dC	8.7894	1.7372	5.0594[.001]
ecm(-1)	-1.0000	0.00	*NONE*

List of additional temporary variables created:

dDEPS = DEPS-DEPS(-1)
dSRR = SRR-SRR(-1)
dR = R-R(-1)
dRD = RD-RD(-1)
dI = I-I(-1)
dGDP = GDP-GDP(-1)
dSPDK = SPDK-SPDK(-1)
dC = C-C(-1)
ecm = DEPS -.95003*SRR + 2.7199*R + .88796*RD + .27661*I -.22962*GD
P -1.5814*SPDK -8.7894*C

R-Squared	.94472	R-Bar-Squared	.86181
S.E. of Regression	.15179	F-stat. F(7, 8)	14.6490[.001]
Mean of Dependent Variable	.28184	S.D. of Dependent Variable	.40831
Residual Sum of Squares	.13824	Equation Log-likelihood	15.3081
Akaike Info. Criterion	5.3081	Schwarz Bayesian Criterion	1.4451
DW-statistic	2.3331		

R-Squared and R-Bar-Squared measures refer to the dependent variable dDEPS and in cases where the error correction model is highly restricted, these measures could become negative.

Keputusan Kajian Perbankan Konvensional (Persamaan Kedua)

Ordinary Least Squares Estimation

```

*****
Dependent variable is DDEPK
16 observations used for estimation from 1992 to 2007
*****
Regressor          Coefficient          Standard Error          T-Ratio[Prob]
C                  1.1992                1.0002                  1.1990[.317]
DDEPK(-1)         -.34812               .19011                  -1.8311[.164]
DSRR              -2.4043               2.9837                  -.80581[.479]
DSRR(-1)         -4.4717               2.7728                  -1.6127[.205]
DR                1.7080                3.2034                  .53317[.631]
DR(-1)           -1.5624               2.6183                  -.59671[.593]
DRD              -1.5470               3.3581                  -.46069[.676]
DRD(-1)          6.1891                2.6912                  2.2998[.105]
DI               2.5483                2.1501                  1.1852[.321]
DI(-1)          -1.7344               2.7731                  -.62541[.576]
DGDP             -.035322              .20296                  -.17404[.873]
DGDP(-1)        -.31081               .51089                  -.60836[.586]
SPDK            -1.0782               .94608                  -1.1397[.337]
*****
R-Squared          .96129                R-Bar-Squared          .80647
S.E. of Regression .37056                F-stat.   F( 12,  3)    6.2089[.080]
Mean of Dependent Variable .13371                S.D. of Dependent Variable .84234
Residual Sum of Squares .41196                Equation Log-likelihood    6.5724
Akaike Info. Criterion -6.4276                Schwarz Bayesian Criterion -11.4494
DW-statistic      1.2723                Durbin's h-statistic     2.2412[.025]
*****

```

Diagnostic Tests

```

*****
*      Test Statistics      *      LM Version      *      F Version      *
*****
*
* A:Serial Correlation*CHSQ( 1)= 2.9288[.087]*F( 1, 2)= .44814[.572]*
*
* B:Functional Form *CHSQ( 1)= *NONE* *F( 1, 2)= *NONE*
*
* C:Normality *CHSQ( 2)= *NONE* * Not applicable
*
* D:Heteroscedasticity*CHSQ( 1)= .091441[.762]*F( 1, 14)= .080471[.781]*
*****
A:Lagrange multiplier test of residual serial correlation
B:Ramsey's RESET test using the square of the fitted values
C:Based on a test of skewness and kurtosis of residuals
D:Based on the regression of squared residuals on squared fitted values

```

Autoregressive Distributed Lag Estimates

ARDL(1,0,1,1,1,0,0) selected based on Akaike Information Criterion

Dependent variable is DEPK

16 observations used for estimation from 1992 to 2007

Regressor	Coefficient	Standard Error	T-Ratio[Prob]
DEPK(-1)	-.50573	.25806	-1.9598[.107]
SRR	-.25187	1.2071	-.20866[.843]
R	-1.8983	1.5050	-1.2613[.263]
R(-1)	-3.3818	3.3319	-1.0150[.357]
RD	-1.7953	3.1024	-.57868[.588]
RD(-1)	8.6738	1.8233	4.7571[.005]
I	2.8204	1.2013	2.3477[.066]
I(-1)	-3.8026	1.3684	-2.7789[.039]
GDP	.15321	.15820	.96850[.377]
SPDK	.13584	.55234	.24594[.816]
C	16.2227	6.1532	2.6365[.046]

R-Squared	.94855	R-Bar-Squared	.84566
S.E. of Regression	.32767	F-stat. F(10, 5)	9.2185[.012]
Mean of Dependent Variable	12.1183	S.D. of Dependent Variable	.83404
Residual Sum of Squares	.53683	Equation Log-likelihood	4.4543
Akaike Info. Criterion	-6.5457	Schwarz Bayesian Criterion	-10.7950
DW-statistic	1.4405	Durbin's h-statistic	*NONE*

Diagnostic Tests

* Test Statistics *	LM Version	* F Version *
* A:Serial Correlation*CHSQ(1)=	1.2498[.264]*	F(1, 4)= .33892[.592]*
* B:Functional Form *CHSQ(1)=	9.0128[.003]*	F(1, 4)= 5.1596[.086]*
* C:Normality *CHSQ(2)=	.064466[.968]*	Not applicable
* D:Heteroscedasticity*CHSQ(1)=	.35854[.549]*	F(1, 14)= .32091[.580]*

A:Lagrange multiplier test of residual serial correlation

B:Ramsey's RESET test using the square of the fitted values

C:Based on a test of skewness and kurtosis of residuals

D:Based on the regression of squared residuals on squared fitted values

Estimated Long Run Coefficients using the ARDL Approach

ARDL(1,0,1,1,1,0,0) selected based on Akaike Information Criterion

Dependent variable is DEPK

16 observations used for estimation from 1992 to 2007

Regressor	Coefficient	Standard Error	T-Ratio[Prob]
SRR	-.16727	.78618	-.21277[.840]
R	-3.5067	2.1910	-1.6005[.170]
RD	4.5682	1.8454	2.4754[.056]
I	-.65226	.66114	-.98656[.369]
GDP	.10175	.11065	.91956[.400]
SPDK	.090218	.37346	.24157[.819]
C	10.7740	2.6719	4.0323[.010]

Error Correction Representation for the Selected ARDL Model

ARDL(1,0,1,1,1,0,0) sel

ected based on Akaike Information Criterion

Dependent variable is dDEPK

16 observations used for estimation from 1992 to 2007

Regressor	Coefficient	Standard Error	T-Ratio[Prob]
dSRR	-.25187	1.2071	-.20866[.840]
dR	-1.8983	1.5050	-1.2613[.243]
dRD	-1.7953	3.1024	-.57868[.579]
dI	2.8204	1.2013	2.3477[.047]
dGDP	.15321	.15820	.96850[.361]
dSPDK	.13584	.55234	.24594[.812]
dC	16.2227	6.1532	2.6365[.030]
ecm(-1)	-1.5057	.25806	-5.8349[.000]

List of additional temporary variables created:

dDEPK = DEPK-DEPK(-1)

dSRR = SRR-SRR(-1)

dR = R-R(-1)

dRD = RD-RD(-1)

dI = I-I(-1)

dGDP = GDP-GDP(-1)

dSPDK = SPDK-SPDK(-1)

dC = C-C(-1)

ecm = DEPK + .16727*SRR + 3.5067*R -4.5682*RD + .65226*I -.10175*GD

P -.090218*SPDK -10.7740*C


R-Squared	.94956	R-Bar-Squared	.84868
S.E. of Regression	.32767	F-stat. F(7, 8)	13.4470[.001]
Mean of Dependent Variable	.13371	S.D. of Dependent Variable	.84234
Residual Sum of Squares	.53683	Equation Log-likelihood	4.4543
Akaike Info. Criterion	-6.5457	Schwarz Bayesian Criterion	-10.7950
DW-statistic	1.4405		

R-Squared and R-Bar-Squared measures refer to the dependent variable


dDEPK and in cases where the error correction model is highly

restricted, these measures could become negative.

Plot of Cumulative Sum of Squares of Recursive Residuals



Plot of Cumulative Sum of Recursive Residuals



HUBUNGAN ANTARA KADAR PULANGAN DENGAN PERMINTAAN DEPOSIT DALAM SISTEM PERBANKAN ISLAM - NUR FATIAH BINTI NOOR ROSDY